

selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 15 - 21 SEPTEMBER 2022

www.selangorkini.my

Darjah kebesaran Najib, isteri ditarik

Berkuat kuasa serta-merta, kurniaan DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj terbatal berikutan sabitan kes mahkamah se- laras kuasa prerogatif Baginda bawah Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor

MUKA 2

Pameran udara capai urus niaga RM1.7 bilion

Angka tersebut mengatasi sasaran transaksi RM1 bilion menerusi 14 memorandum persefahaman dengan pelbagai syarikat. Tahun lalu, program sama mencatat nilai berjumlah RM100 juta

MUKA 2



Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah (tengah) bersama Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (tiga, kanan) melawat Pameran Udara Selangor (SAS) 2022 di Pusat Penerbangan Serantau Sky- park, Shah Alam pada 8 September 2022. Turut sama, Speaker Dewan Negeri Ng Suee Lim (dua, kanan) dan EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Perindustrian Dato' Teng Chang Khim (dua, kiri). Foto FIKRI YUSOF ▶ BERITA MUKA 2

pancawarna

Masyarakat adil, makmur bersama



Perutusan Hari
Malaysia 2022
Dato' Menteri
Besar Selangor

13



Biografi terbaik Tunku Abdul Rahman

Naskah papar
kehidupan, perjalanan
politik Bapa Malaysia
diterjemah

12

Pengibar pertama Jalur Gemilang di Sabah



Sarjan Jusit berani
laksana tugas
meski berdepan
risiko ditembak

9

Tiada ampun sewenangnyanya

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menyokong titah Yang di-Pertuan Agong bahawa kuasa pengampunan tidak boleh dibuat sewenang-wenangnyanya demi kepentingan pihak tertentu.

Sebaliknya, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah proses itu perlu mengikut lunas undang-undang dan tatacara bawah Perlembagaan dan undang-undang berkaitan.

"Sukacita beta menzahirkan sokongan padu terhadap titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 5 September 2022 berkaitan kuasa prerogatif pengampunan yang tidak boleh dilaksanakan sewenang-wenangnyanya demi kepentingan pihak tertentu," titah Baginda pada 12 September.

Sebelum ini, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah bertitah kuasa menghukum dan pengampunan tidak wajar digunakan sewenang-wenangnyanya.

Isu pengampunan timbul berikutan bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dihukum penjara 12 tahun dan denda RM210 juta kerana menyeleweng dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd.

Lapor jalan rosak di Twitter

SHAH ALAM - Orang ramai digalakkan untuk melaporkan lokasi jalan rosak di penempatan mereka menerusi aplikasi Twitter.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata mereka perlu menghantar foto beserta aduan dengan disertai tanda pagar #infrasel #daerah #namajalan.

"Proses pelaporan kerosakan jalan raya bagi jalan-jalan negeri di Selangor dipermudahkan dengan hanya menggunakan tanda pagar di Twitter.

"Aduan akan ditapis dan disemak secara automatik sebelum proses pembaikan dijalankan," katanya di Twitter pada 7 September.

Tarik darjah kebesaran Najib, Rosmah

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menarik balik Darjah Kebesaran Negeri Selangor daripada bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan isterinya Datin Seri Rosmah Mansor.

Keputusan Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkuat kuasa serta-merta setelah berunding dengan ahli Dewan Diraja Selangor dalam mesyuarat khas di Balai Dewan Diraja, Istana Alam Shah, Klang.

Menurut Setiausaha Kerajaan Negeri, Baginda turut menarik semula Darjah

Kebesaran bekas Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Mohd Arif Ab Rahman.

"Penarikan balik dan pembatalan keahlian ini selaras kuasa prerogatif Baginda bawah Perkara XXXVIII dan Perkara XXXIX Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959 serta Statut Darjah Kebesaran yang berkaitan dan konvensi yang diamalkan di Negeri Selangor," kata Dato' Haris Kasim pada 12 September.

Beliau berkata Najib yang dikur-

nia Keahlian Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor Kelas Pertama pada 2004 dan Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor Kelas Kedua (1992) didapati bersalah di mahkamah atas pertuduhan salah guna kuasa, rasuah dan pecah amanah.

Rosmah yang dikurnia Keahlian Darjah Seri Paduka Mahkota Selangor Kelas Pertama pada 2005 pula didapati bersalah atas tiga pertuduhan meminta dan menerima rasuah.

Atasi jumlah RM100 juta

Rekod transaksi RM1.7 bilion

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Potensi nilai transaksi di Pameran Udara Selangor (SAS) 2022 melebihi sasaran apabila angkanya mencapai RM1.7 bilion.

EXCO Pelaburan Dato' Teng Chang Khim menjelaskan jumlah transaksi tersebut jauh lebih besar berbanding tahun sebelumnya iaitu RM100 juta.

"Dua hari lalu (8 September) kita sudah mencapai RM800 juta dengan 14 memorandum persefahaman (MoU) melibatkan beberapa negara yang menyertai pameran antaranya Nigeria

dan Republik Czech.

"Pada pagi ini (10 September) transaksi melebihi RM1.7 bilion dan dijangka jumlah ini bertambah kerana ada juga syarikat yang buat MoU tetapi tidak maklumkan kepada penganjur," katanya.

Chang Khim berkata pemeteraian MoU turut melibatkan sektor seni antara Presiden Persatuan Seniman Malaysia (Seniman) Rozaidi Abdul Jamil dan Persekutuan Penerbangan Sukan Malaysia (MSAF) yang diwakili Presidennya Nuhaimy Ismail.



"Bukan sahaja melibatkan perniagaan penerbangan tetapi turut melibatkan teknologi dron yang boleh diguna dalam pertanian, pertahanan dan kaji cuaca.

"Dengan kerjasama seni-man menunjukkan kesan-kesan penggunaan teknologi yang betul dan pameran ini menjadi platform kepada sektor-sektor lain," katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri menyasarkan potensi nilai transaksi RM1 bilion sepanjang tiga hari pameran membabitkan pemeteraian 24 MoU.

Rumah untuk bujang, baharu kahwin

KUALA SELANGOR - Kerajaan Selangor akan membina rumah satu dan dua bilik untuk disewa kepada golongan bujang serta baru mendirikan rumah tangga.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan kediaman berkenaan akan dibina di sekitar Petaling Jaya, Subang Jaya, Ampang dan Shah Alam.

Beliau berkata permohonan untuk menduduki rumah tersebut dikendalikan Kerajaan Negeri sepenuhnya bagi mengelak golongan yang tidak layak mendiaminya.

"Kita tidak mahu taraf dan kualiti hidup terjejas apabila keluarga yang ada enam anak memohon rumah ini

kononnya untuk berjimat.

"Kita mahu beri kepada yang bujang, baru berkahwin atau baru mempunyai seorang anak untuk duduki," katanya pada majlis penyerahan kunci kepada 10 pembeli rumah kos rendah Taman Sungai Yu Indah di sini pada 12 September.

Siap sedia hadapi hujan lebat

SHAH ALAM - Semua agensi diarah bersiap sedia berikutan jangkaan taburan hujan antara bulan ini hingga Disember boleh menyebabkan banjir, ribut dan tanah runtuh.

Paras purata hujan sepanjang September antara 170 hingga 250mm, Oktober (220 hingga 330mm), November (250 hingga 370mm) dan Disember (210 hingga 310mm).

Perkara itu dimaklumkan Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kasim dalam surat arahan persediaan mengha-

dapi Monsun Timur Laut kepada agensi kerajaan pada 14 September.

Bilik gerakan bencana peringkat daerah dan pihak berkuasa tempatan juga diarah bersedia dan menyalur maklumat kepada Pusat Operasi Smart Selangor.

Menurut surat itu, tempoh peralihan monsun pada Oktober lazimnya berlaku hujan lebat beserta ribut petir dan angin kencang pada lewat petang hingga malam.

"Bagi Oktober, berlaku peningkatan jumlah taburan hujan di Selangor ber-

banding September. Bagaimanapun, jangkaan jumlah taburan hujan pada paras purata iaitu antara 220 hingga 330mm," kata lampiran surat tersebut.

Ketika Monsun Timur Laut pula yang dijangka bermula pada November dan berakhir Mac tahun depan, Selangor lazimnya mengalami hujan sederhana dan kadangkala lebat beserta ribut petir.

"Pada November dan Disember, Selangor menerima hujan pada paras purata antara 210 hingga 370mm," menurut lampiran itu lagi.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas





Sultan Sharafuddin berkenan menandatangani plak perasmian Masjid Ar-Raudhah, Shah Alam pada 12 September. Foto FIKRI YUSOF

Sultan rasmi masjid di Puncak Alam

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj berkenan merasmikan Masjid Ar-Raudhah Seksyen U10, Puncak Perdana di sini yang beroperasi sejak 2 Mei 2019.

Turut berangkat Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah diiringi Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dan EXCO Hal Ehwal Agama Mohd Zawawi Ahmad Mughni serta Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) Dato' Mohd Shahzihan Ahmad.

Pegawai daerah Petaling dalam sembah ucapan berkata masjid atas tanah seluas 4.5 ekar dibangunkan pada 23 November 2015 membabitkan kos RM13.46 juta dengan RM10 juta dibiayai melalui Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) serta wakaf pelbagai pihak.

"Masjid tersergam indah ini mampu menampung jemaah seramai 2,500 orang pada satu-satu masa selain memberi kemudahan ibadat yang kondusif kepada 1.2 juta penganut Islam di daerah Petaling.

"Masjid ini kini berfungsi sebagai mercu tanda dan platform penyatuan ummah melalui pelbagai aktiviti pengimarahannya yang diinisiatifkan oleh nazir serta seluruh ahli jawatankuasa masjid," kata Mohd Jusni Hashim pada 12 September.

Tengku Amir Shah berkenan rasmi

16,000 meriahkan pameran udara

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL & ZAREEF MUZAMMIL**

SHAH ALAM - Pameran Udara Selangor (SAS) 2022 mendapat sambutan menggalakkan berikutan lebih 16,000 pengunjung hadir sepanjang pengunjurannya yang berakhir 10 September.

EXCO Pelaburan Dato' Teng Chang Khim berkata sambutan tersebut memaksa penganjur menutup pendaftaran apabila bilangannya mencecah 12,000 individu.

"Hari ini (10 September) sahaja, seramai 12,000 orang awam berdaftar manakala untuk dua hari program, seramai 4,000 individu hadir. Jika semua hadir, pameran ini menerima 16,000 pengunjung dan ia melebihi sasaran iaitu 9,000.

"Ini reaksi positif masyarakat dan peluang baik kepada golongan belia dan kanak-kanak untuk mempelajari sesuatu dalam industri aeroangkasa," katanya pada hari terakhir pameran.

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda

Selangor Tengku Amir Shah berkenan merasmikan pembukaan pameran itu di Pusat Penerbangan Serantau Skypark Subang (Skypark RAC) di sini pada 8 September. Turut hadir, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Baginda turut menyaksikan majlis penghargaan kerjasama program pembangunan kemahiran digital rangka kerja dan laluan kerjaya dalam industri aeroangkasa antara Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) bersama 10 syarikat.

Tengku Amir Shah juga menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) antara Selangor Aviation and Technology Innovations Sdn Bhd (Selati) dan Volar Air Mobility selain melawat gerai pempamer, kapal terbang dan helikopter.

"Sepanjang dua hari pengunjuran sebanyak enam bas tetapi apabila pendaftaran pengunjung mencecah 12,000 kita ambil keputusan untuk menambahkannya kepada 19 bas," katanya.

SAS bertujuan membuka jaringan perniagaan kepada pemain industri dan mendedahkan orang ramai dalam sektor penerbangan.

Sebanyak 56 syarikat dan 63 pempamer dari sembilan negara iaitu Singapura, Brazil, Perancis, Amerika Syarikat, Switzerland, Nigeria, Republik Czech, United Kingdom dan Malaysia terlibat dalam acara itu.

Antara peserta SAS kali ini adalah Dassault Aviation, Systematic Aviation Services Sdn Bhd dan Superb Access Solutions Sdn Bhd.

Edisi pertama SAS diadakan pada 25 hingga 27 November tahun lalu menarik pelaburan sehingga RM100 juta dengan 12 MoU bersama subsektor industri aeroangkasa dimeterai.

SAS tahun ini sebahagian rancangan besar sejak beberapa tahun lalu bagi menjadikan Selangor sebagai pemain utama industri aeroangkasa.

Esei foto Pameran Udara Selangor terbit dalam edisi 22-28 September

Bantu syarikat pasca pandemik

SHAH ALAM - Penganjuran Pameran Udara Selangor (SAS) antara usaha bagi membantu syarikat aeroangkasa di negeri ini susulan pandemik Covid-19.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pameran tahun lalu yang dijayakan mengikut norma baharu menyaksikan banyak penyertaan dari dalam dan luar negara.

"Covid-19 memusnahkan industri penerbangan dan aeroangkasa. Malah wabak menyebabkan industri aeroangkasa kehilangan hasil sehingga 30 peratus berbanding pendapatan RM16.22 bilion pada 2019.

"Namun, kita berjaya melepasi titik buruk itu apabila Invest Selangor Berhad (Invest Selangor) memudahkan syarikat menempuh pandemik (penganjuran SAS)," katanya pada 8 September.

Pelakon Air Force temu peminat

SHAH ALAM - Hari terakhir penganjuran Pameran Udara Selangor (SAS) 2022 diserikan dengan kehadiran pelakon filem Air Force The Movie: Selagi Bernyawa.

Pelakon dalam sesi bertemu peminat itu antaranya Aiman Hakim Ridza, Nas-T, Pablo Amirul, Iman Corinne dan Esmad Daniel.

Pengarah Filem Zulkarnain Azhar berkata kesediaan penganjur menjemput produksi dan pelakon ke pameran itu membantu mereka mempromosi karya berkenaan.



Pengunjung menaiki helikopter Agusta Westland AW 139 milik Polis Diraja Malaysia. Memuatkan 15 penumpang, pesawat itu digunakan bagi memantau trafik dan operasi menyelamat



Eksekutif Kejuruteraan Mohd Alfathi Mohd Aljaffry menunjukkan dron Raven di reruai Selangor Aviation and Technology Innovations (Selati), syarikat peneraju teknologi dron negeri



Pengunjung melihat model pesawat di ruang pameran. Model yang disediakan termasuklah TI-BBQ (atas, kiri) yang diguna Nature Air dan Extra MX (kanan) keluaran Precision Aerobatics



Dua kanak-kanak bergambar di kokpit pesawat ATR 42-500. Milik syarikat Berjaya Hotel & Resorts, pesawat itu membawa penumpang ke penginapan di Pulau Redang, Terengganu



Pelakon Air Force The Movie bergambar dengan EXCO Dato' Teng Chang Khim (empat, kiri). Aiman Hakim Ridza (empat, kanan) dan Iman Corinne Adrienne (lima, kiri) hadir bertemu peminat



Pelajar Universiti Kuala Lumpur bergambar di tapak Pameran Udara Selangor di Subang, Shah Alam. Dianjurkan kali pertama pada 2021, pameran tahun ini menerima sambutan luar biasa

Program banteras jenayah siber

GOMBAK - Lebih banyak program keselamatan siber diadakan tahun depan bagi membanteras kes penipuan dalam talian yang kian membimbangkan di negeri ini.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pihaknya sedia bekerjasama dengan polis bagi menangani isu yang menjerat ramai mangsa sejak akhir-akhir ini.

"Selepas kita tumpu perhatian untuk kumpul dan analisis data, isu keselamatan siber akan diberi perhatian dalam projek negeri pintar menjelang tahun depan.

"Ini mungkin dapat halang kecurian dan pengambilan data secara tidak sah yang menjurus kepada penipuan dalam talian yang berleluasa," katanya pada 11 September.

Amirudin juga meminta orang ramai supaya menyemak kesahihan maklumat dan tidak mudah percaya terhadap mesej palsu yang diterima melalui telefon pintar.

Sebelum ini, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Selangor Asisten Komisioner Azman Ali memaklumkan kes penipuan menyumbang 76.9 peratus daripada rekod jenayah komersil negeri.

RM50,000 untuk pesakit jantung

SHAH ALAM - Pesakit yang memerlukan bantuan boleh memohon pembiayaan sehingga RM50,000 menerusi Skim Peduli Jantung anjuran Kerajaan Negeri.

EXCO kesihatan awam berkata individu berpendapatan rendah (B40) dan sederhana (M40) dengan had maksimum RM8,000 sebulan serta bermastautin 10 tahun di Selangor layak memohon.

Menerusi Facebook, Dr Siti Mariah Mahmud berkata maklumat lanjut berkaitan skim berkenaan boleh diperoleh dengan melayari pautan www.pedulisihat.com

Permohonan boleh dibuat melalui Selcare Management Sdn Bhd (Selcare) yang akan mengeluarkan surat jaminan (GL) untuk dirawat di Institusi Jantung Negara.

Kerajaan Negeri memperuntuk RM10 juta bagi pelaksanaan program berkenaan yang dibiayai bersama Perbadanan Kemanusiaan Negeri Selangor (PKNS).

Seramai 257 pesakit menerima manfaat skim membabitkan kos RM4.03 juta sejak dilancarkan pada 2018.

Rakam peristiwa bersejarah

SHAH ALAM - Perubahan politik semesta-mata tidak memberi makna jika kebudayaan tidak diperkukuh, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau menambah penerbitan buku, puisi, filem dan muzik perlu seiring supaya masyarakat pada masa kini dan masa depan memahami proses perubahan.

Mengambil contoh isu Covid-19, beliau berkata penulisan itu bukan peristiwa yang sekadar harus diingati tetapi perlu dirakam daripada pelbagai perspektif.

"Dari Perintah Kawalan Pergerakan hingga ke fasa peralihan endemik, kita harap dapat rakam pengalaman ini

supaya masa depan anak cucu tahu apa yang kita lalui dan ada panduan jika ia berlaku lagi," katanya pada 10 September.

Beliau merasmikan malam anugerah Hadiah Sastera Selangor 2021 di sini, yang turut dihadiri Sasterawan Negara Datuk Seri Dr A Samad Said dan Dato' Dr Anwar Ridhwan.

Anugerah yang bermula pada 2015 dalam genre cerpen, sajak dan esei diperkenalkan Amirudin ketika menyandang jawatan EXCO Pembangunan Belia, Sukan, Kebudayaan dan Keusahawanan.

Karya yang dinilai setiap tahun diumumkan dalam akhbar mingguan atau portal berita Selangorkini terbitan

Media Selangor Sdn Bhd, agensi rasmi penerangan Kerajaan Negeri.

Mulai 2021, karya terpilih daripada majalah penerbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, jurnal kebudayaan Svava dan halaman media sosial Tukang Puisi turut dinilai.

Bagi setiap kategori, pemenang utama menerima wang tunai RM5,000 manakala hadiah penghargaan RM1,000.

Esei foto Hadiah Sastera Selangor, laporan panel juri dan reaksi pemenang terbit dalam edisi 29 September-5 Oktober

Wajib dibaca generasi muda

Kisah perdana menteri jadi miskin

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj satu-satunya perdana menteri yang menjadi lebih miskin selepas beliau meninggalkan jawatan tersebut.

Perkara itu didedahkan Tokoh Wartawan Negara Tan Sri Johan Jaafar dengan memetik buku berjudul Tunku: Kelana Penuh Cinta terjemahan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE).

"Sebaik sahaja bersara, Tunku mendapati dirinya mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM80,000 - jumlah yang sangat besar pada

zaman dahulu.

"Sebagai ganti, wang persaraan bulannya sebanyak RM4,000 digantung dan digunakan untuk melunaskan hutang akibat kealpaannya itu," katanya ketika melancarkan naskah tulisan Kobkua Suwannathat-Pian.

Majlis itu berlangsung sempena malam anugerah Hadiah Sastera Selangor 2021 yang dirasmikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 10 September.

Johan yang juga pengerusi Lembaga Penasihat Editorial Media Selangor Sdn Bhd berkata karya tersebut wajar dijadikan bahan bacaan wajib seluruh masyarakat terutama generasi muda.

Katanya, buku itu sangat terperinci dalam menceritakan perjalanan hidup perdana menteri pertama termasuk pengisian kemerdekaan dan pembentukan Malaysia.

"Buku ini ada tiga bahagian dan sembilan bab yang menceritakan latar belakang, pembabitan politik, memimpin Umno dan kekecewaannya menjadi warga biasa yang luar biasa.

"Naskah ini mudah untuk memahami almarhum dan lebih penting untuk menilai siapa dirinya. Ini kisah negarawan ulung yang meletakkan dedikasi atas segala-galanya," katanya.

TEKS PENUH MUKA 12 & 13

Cadang nilai karya luar negara

SHAH ALAM - Penilaian karya kreatif dalam Hadiah Sastera Selangor (HSS) mungkin meliputi media Indonesia iaitu Tempo dan Kompas pada masa depan.

Ketua pegawai eksekutif Media Selangor Sdn Bhd mencadangkan demikian berikutan ramai penggiat seni dari Indonesia menghantar penyertaan saban tahun.

"Mungkin kita boleh bekerjasama dengan Tempo dan Kompas pada masa depan," kata Mohamed Fareed Mohamed Ashaaree dalam majlis anugerah HSS 2021.

Katanya, penilaian itu turut meliputi karya terpilih daripada majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, jurnal kebudayaan Svava dan halaman media sosial Tukang Puisi.

Beliau menambah HSS satu-satunya anugerah sastera peringkat negeri yang membuka penyertaan kepada penulis tempatan termasuk Sabah dan Sarawak.

"Penyertaan diterima daripada pelajar, guru, mahasiswa, pensyarah dan profesor institusi pengajian tinggi malah ahli parlimen dan bekas menteri turut mengirimi karya masing-masing."

WAKTU SOLAT	15-21 SEPTEMBER 2022 18-24 SAHAR 1444	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
15 Khamis	5:47	5:57	7:03	1:11	4:12	7:14	8:23	5:48	5:58	7:04	1:12	4:12	7:15	8:24	5:49	5:59	7:05	1:14	4:15	7:17	8:26	
16 Jumaat	5:47	5:57	7:03	1:11	4:12	7:14	8:23	5:48	5:58	7:04	1:12	4:12	7:14	8:23	5:49	5:59	7:05	1:13	4:15	7:16	8:25	
17 Sabtu	5:47	5:57	7:02	1:11	4:13	7:13	8:22	5:47	5:57	7:04	1:11	4:13	7:14	8:23	5:49	5:59	7:04	1:13	4:15	7:16	8:25	
18 Ahad	5:46	5:56	7:02	1:10	4:13	7:13	8:22	5:47	5:57	7:03	1:11	4:13	7:14	8:22	5:49	5:59	7:04	1:13	4:16	7:15	8:24	
19 Isnin	5:46	5:56	7:02	1:10	4:13	7:13	8:21	5:47	5:57	7:03	1:10	4:13	7:13	8:22	5:49	5:59	7:04	1:12	4:16	7:15	8:24	
20 Selasa	5:46	5:56	7:02	1:10	4:14	7:12	8:21	5:47	5:57	7:03	1:10	4:14	7:13	8:21	5:48	5:58	7:03	1:12	4:16	7:14	8:23	
21 Rabu	5:46	5:56	7:01	1:09	4:14	7:12	8:20	5:46	5:56	7:03	1:10	4:14	7:12	8:21	5:48	5:58	7:03	1:12	4:16	7:14	8:23	



Dato' Seri Amirudin Shari melancarkan buku. Turut sama Ketua Pegawai Eksekutif Media Selangor Mohamed Fareed Ashaaree (kiri) dan Pengarah Eksekutif IBDE Farhan Affandi



Dato' Menteri Besar menyerahkan hadiah utama kepada Lokman Hakim. Cerpennya 'Jam Menanggalkan Jarumnya Lalu Menghitung' diterbit Selangorkini



Tokoh Wartawan Negara Tan Sri Johan Jaaffar (tengah) yang diiring Mohamed Fareed beramah mesra dengan kakitangan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE) di gerai pameran



Rasyidah Othman menang kategori sajak dengan tajuk 'Tuhan dari Daerah Sunyi' terbitan Svvara. Dewan Sastera, Tunas Cipta dan Tukang Puisi turut menghantar karya untuk dinilai



Penyanyi terkenal Datuk Jamal Abdillah mendendangkan empat lagu kegemaran ramai bermula klasik Lancang Kuning sebelum ditutup Kekasih Awal dan Akhir



Johan menyampaikan hadiah kepada pemenang utama Abdullah Hussaini. Eseinya 'Merenung Gambar dalam Puisi' terbit di halaman media sosial Tukang Puisi

Tunai janji diabai Barisan Nasional

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menunaikan janji kepada rakyat termasuk menyelesaikan isu tertunggak yang gagal dilunaskan Barisan Nasional (BN).

Menurut Dato' Menteri Besar, antara yang dijanjikan tetapi tidak dipenuhi pentadbiran terdahulu adalah pemberian tanah kepada pasukan Selangor yang menjulang Piala Malaysia pada 1995.

"Ada antara mereka telah meninggal dunia dan tidak dapat merasai ganjaran yang telah dijanjikan," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 12 September.

Beliau berkata isu lain termasuk penantian 107 keluarga di Taman Yu Indah, Kuala Selangor selama 26 tahun untuk menerima rumah meskipun enam menteri besar bertukar ganti.

Bagaimanapun, katanya, masalah itu berakhir apabila Kerajaan Selangor pimpinan Pakatan Harapan menyiapkan unit rumah tersebut dan menyerahkan kepada peserta pada 12 September.

"Kerajaan Negeri akan terus tuntas menunaikan janji yang diumumkan dan pada masa sama berusaha menunaikan janji kerajaan terdahulu yang tertunggak sehingga menyusahkan rakyat," kata Amirudin.

Negeri siapkan projek kerajaan dahulu

Tunggu 26 tahun duduki rumah

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

KUALA SELANGOR - Pembeli rumah kos rendah Taman Sungai Yu Indah di sini bersyukur kerana berpeluang menduduki rumah sendiri selepas 26 tahun menanti.

Pesawah Mohamad Noor Soyona, 53 berkata penantian untuk menduduki rumah itu ibarat mimpi menjadi kenyataan kerana beliau telah berputus harap.

"Saya beli ketika anak dua orang, sekarang sudah tujuh. Dalam tempoh itu, juga saya perlu membuat dua pembayaran iaitu sewa serta pinjaman perumahan.

"Memang perit tetapi Alhamdulillah tahun ini rumah siap dan tahun ini juga pinjaman perumahan ini turut selesai, jadi saya dapat masuk rumah ini de-

ngan hati tenang," katanya.

Mohamad Noor antara 10 pemilik rumah menerima kunci yang disampaikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari pada 12 September.

Sebelum ini, beberapa projek gagal disiapkan pentadbiran Barisan Nasional.

Perasaan V Shamini, 28, pula berbau gembira dan sedih berikutan rumah yang dibeli mendiang banyanya ketika dia berusia dua tahun akhirnya dapat diduduki.

"Gembira sebab siap tetapi rasa sedih kerana ayah tidak dapat lihat rumah ini, dia memang idam untuk tinggal di sini tetapi meninggal dunia pada 2009.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana membantu memudahkan urusan kami sekeluarga," katanya.

Terdahulu, Amirudin berkata sebanyak 107 unit rumah berkenaan bernilai RM42,000 dipulih dan disiapkan pada tahun ini.

"Kalau ikutkan saya Menteri Besar keenam daripada Tan Sri Muhammad Taib, Allahyarham Tan Sri Abu Hassan Omar, kemudian Dr Khir Toyo, Allahyarham Tan Sri Khalid Ibrahim dan kemudian Dato' Seri Azmin Ali baru ia diselesaikan.

"Alhamdulillah dari 2014 sebenarnya kita sudah punyai formula untuk selesaikannya selepas ubah beberapa dasar," katanya.

Selain itu, tasik semula jadi berdekatan taman perumahan itu dikekalkan untuk dijadikan kolam takungan berikutan kedudukannya berhampiran laut.

"Saya minta ia dikekalkan dan diperbesarkan sebagai nilai tambah jika berlaku air pasang besar dapat menampung saliran," katanya.



Bersebelahan Sekolah Antarabangsa GEMS Akses terus ke Taman Sentral

Lebih daripada 40 Jenis Fasiliti Ruang Kerja Bersama Khusus

Kehidupan Berinsprasikan Resort

Pemandangan Tasik

Alira

@ TROPICANA METROPARK

Merasai kehidupan seharian di tempat yang penuh dengan kemeraan, gaya dan keselesaan yang menjadikan kediaman anda sebagai taman syurga di Alira, di mana rekaan kediaman yang teliti menyediakan ruang yang memadai dan memenuhi pilihan pengaturan hidup anda.

Ilustrasi adalah ilham artis sahaja.

MCT
Timeless Value Creator

+6011 1722 5551
www.alira.my

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA
No. Lesen Pemaju: 20185-1/11-2023/0837(L) • Tempoh sah: 19/11/2021 - 18/11/2023 • No. Permit Iklan dan Tempoh Sah: (Fasa 1): 20185-1/11-2023/0837(A)-(S) • Tempoh Sah: 19/11/2021 - 18/11/2023 • No. Permit Iklan: (Fasa 2): 20185-2/07-2025/0073(B)-(S) • Tempoh Sah: 04/07/2022 - 03/07/2025 • Pemaju: Next Delta Sdn. Bhd. (1130397-A) • Alamat: Lot C-02, Level 2, SkyPark @ One City, Jalan USJ 25/1, 47650 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan, Tel: 03 5115 9988 • Pegangan Tanah: Kekal • Gadaian Tanah: Tiada • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Subang Jaya • No. Kelulusan Pelan Bangunan: MBSJ.BGN.BP2.600-1/10/4/14 • Tarikh Dijangka Siap: Dis 2025 • Bilangan: 832 • Harga Menara A: RM578,916 (Min.) - RM884,286 (Maks.) Harga Blok 1: RM978,640 (Min.) - RM1,068,340 (Maks.) • Harga Menara B: RM716,800 (Min.) - RM899,800 (Maks.) • Bumiputera diskaun: 10%

Kediaman Terancang Untuk Kehidupan Indah **AETAS™**
DAMANSARA

Hayati gaya hidup yang anggun di kediaman yang melambangkan segala kemewahan dan kecanggihan hidup. Dengan penyebatan pembangunan dan persekitaran yang sempurna, mulakan hari anda dengan pemandangan padang golf yang menakjubkan.

Pemandangan Padang Golf

Lobi Lif Persendirian Ketumpatan Rendah 226 Unit

Pemandangan Husat Bandar KL 2,325 - 3,273 kps

Mesra Umur & Mobiliti

Ilustrasi adalah ilham artis sahaja.

MCT
Timeless Value Creator

+6011 3011 6368
www.aetadamansara.my

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA
Pemaju: One Residence Sdn. Bhd. (1126688-P) • Lot D-02, Level 2M, SkyPark @ One City, Jalan USJ 25/1, 47650 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan • No. Pemaju: 20017-1/12-2022/0817(L) • Tempoh Sah: 12/12/2020 - 11/12/2022 • No. Permit Iklan & Aduan: 20017-1/12-2022/0817(P) • Tempoh Sah: 12/12/2020 - 11/12/2022 • Bebanan Tanah: Tiada • Jenis Hak Milik Tanah: Pajakan 99 Tahun (hingga 04 April 2109) • Pihak Berkuasa yang Meluluskan: Majlis Bandaraya Petaling Jaya • No. Rujukan Pelan Bangunan: MBPJ/120100/T/P10/728/2020 • Tarikh Dijangka Siap: Jun 2025 • Jenis Hartanah: Pangsupuri • Jumlah Unit: 226 • Jumlah Luas Binaan: 2,098 - 6,114 kps • Blok A - 149 unit, Harga: RM2,112,960 (Min) - RM4,180,560 (Maks) • Blok B - 77 unit, Harga: RM2,838,960 (Min) - RM6,119,760 (Maks) • Jumlah Tempat Letak Kereta: 742 • Diskaun Bumiputera: 7% • Sekatan Kepentingan Tanah ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadai melainkan setelah mendapat kebenaran Pihak berkenaan

Iklan ini tidak bermaksud dan/atau dianggap sebagai tawaran atau jemputan untuk menawarkan jualan daripada pemaju. Maklumat yang terkandung dalam iklan ini adalah tertakluk pada perubahan, pengubahsuaian dan pemindahan seperti mana yang disyorkan oleh pihak berkuasa berkaitan dan/atau arkitek projek dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Kandungan iklan ini adalah tepat pada masa pencetakan dan pemaju tidak akan bertanggungjawab untuk apa jua kesilapan yang berlaku. Visual yang dipamerkan adalah pada tanggapan artis sahaja dan semua ukuran adalah berdasarkan anggaran. "Tertakluk pada terma dan syarat."

Sertai kami di



PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

Jelajah **Ehsan Rakyat**

JUALAN JIMAT

POTONGAN HARGA KAW-KAW

9 Trak 9 Lokasi Sehari Seluruh Selangor

6 Sept - **6** Dis
2022

Selasa-Ahad
9am- 1pm



**YAB Dato' Seri
Amirudin Shari**
Dato' Menteri Besar
Selangor

**YB. Tuan Ir.
Izham Hashim**
Exco Infrastruktur &
Pertanian Selangor



Sila Imbas



Jadual JER

#SelangorJER

#KitaSelangor #DariRakyatUntukRakyat

*Tertakluk kepada terma dan syarat

DARI RAKYAT
UNTUK RAKYAT

Sasar RM100 juta transaksi

KUALA LUMPUR - Sebanyak RM100 juta nilai padanan perniagaan disasarkan dalam Persidangan Antarabangsa Halal Selangor (Selhac) pada tahun hadapan.

EXCO Industri Halal Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata pihaknya yakin jumlah itu mampu dicapai berdasarkan kutipan tahun ini melebihi RM37 juta pada Mac.

"Tahun ini, kita sediakan 100 reruai tetapi tahun depan kita bakal menggandakan jumlah tersebut bagi membolehkan sebanyak 200 syarikat terlibat sama.

"Kita yakin mampu capai jumlah sasaran kerana Selangor ada potensi besar dalam industri halal," katanya pada 8 September.

Terdahulu, beliau merasmikan Pavilion Selangor sempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihac 2022) ke-18 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (Mitec) di sini.

40,000 sertai saringan percuma

SHAH ALAM - Program pemeriksaan kesihatan percuma mendapat sambutan menggalakkan berikutan hampir 40,000 individu menyertai inisiatif itu sejak Mei.

EXCO kesihatan awam berkata jumlah itu mengatasi sasaran iaitu sekurang-kurangnya 39,000 orang menerima manfaat program Selangor Saring.

"Daripada 55,000 individu berdaftar untuk 55 Dewan Undangan Negeri (DUN), individu yang hadir jalani saringan lebih 70 peratus. Ini tidak termasuk DUN Seri Serdang.

"Kehadiran rakyat yang jalani saringan amat baik. Terima kasih kepada semua yang menjayakan program ini," kata Dr Siti Mariah Mahmud ketika menyempurnakan penutupan program itu di Subang Jaya pada 11 September.

Pemimpin kampung ikuti kursus integriti

SHAH ALAM - Hampir 500 ketua dan setiausaha kampung tradisi mengikuti kursus integriti di Auditorium Dewan Jubli Perak di sini pada 5 September.

EXCO Pembangunan Luar Bandar dan Kampung Tradisi Borhan Aman Shah berkata program itu bagi memantapkan keupayaan mereka dalam memberi khidmat kepada masyarakat.

"Sebelum ini, kursus hanya berkaitan pentadbiran sahaja namun kali ini kita libatkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana mahu mereka titik berat soal integriti sepanjang menjalankan tugas.

"Beberapa agensi berkaitan juga dibawa untuk beri penerangan tentang program anjuran Kerajaan Negeri seperti Selangor Saring dan Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (Bingkas) supaya dapat disampaikan kepada penduduk," katanya.

Bantuan RM300 sebulan untuk wanita

SHAH ALAM - Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (Bingkas) meringankan beban wanita berpendapatan rendah yang berdepan kenaikan harga barang.

Edisi 22-28 September berkongsi pandangan tiga penerima yang mendapat manfaat RM300 sebulan untuk menampung sara hidup sekeluarga termasuk anak kecil.

Suri rumah dan dua ibu tunggal itu juga menyifatkan proses untuk memperoleh inisiatif tersebut mudah dan

cepat. Mereka juga gembira nilai bantuan itu ditambah.

Banyak maklumat berkaitan Bingkas yang menyediakan dana RM108 juta termasuk

pecahan kuota penerima mengikut Dewan Undangan Negeri (DUN) turut dipapar.

Pancawarna juga menyiarkan tulisan kolumnis terhadap filem Air Force The Movie: Selagi Bernyawa yang dianggap menyentuh psikologidandan membangkit trauma penonton.


Namun, Daniyal Kadir berpendapat

karya itu hampir membawa pembaharuan bagaimana sinema menyorot isu perang tetapi ia tidak dimanfaatkan secukupnya.

Selain itu, kisah artis Alena Murang yang memperjuangkan muzik etnik di luar negara hingga meraih Anugerah Muzik Video

Dunia Terbaik di Festival Muzik Video Buenos Aires pada 2021 juga dimuatkan.

Hasil alunan muzik etnik Bumi Kenyalang, penghibur berketurunan Kelabit dari Sarawak pernah membawa pulang 14 anugerah lain antaranya Anugerah Filem Antarabangsa New York dan Anugerah Khas Juri di Anugerah Filem Los Angeles.



Kongsi manfaat seluruh negara

RM1.5 juta bantu mangsa bencana

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

KUALA SELANGOR - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berbelanja RM1.5 juta bagi membantu mangsa bencana.

Ketua Tanggungjawab Sosial Korporatnya Ahmad Azri Zainal Nor menjelaskan sebahagian dana daripada RM30 juta untuk program kebajikan itu disalurkan melalui Ahli Dewan Negeri (ADN)

kawasan terjejas.

Beliau berkata MBI sedia untuk membantu, wakil rakyat perlu memaklumkan pihaknya bagi memudahkan dan menentukan proses agihan bantuan yang sesuai.

"Peruntukan digunakan sejak awal tahun ketika Selangor dilanda banjir besar hujung tahun lepas selain beberapa kawasan yang dilanda ribut," katanya pada 7 September.

Terdahulu, beliau menyerahkan ban-

tuan RM206,000 kepada 206 keluarga terjejas ribut di Kuala Selangor melalui ADN Permatang Rozana Zainal Abidin di sini.

Ahmad Azri juga menambah serahan bantuan bencana ribut akan disalurkan kepada semua mangsa di Sekinchan dan Hulu Selangor yang turut terjejas.

Tahun lalu, MBI berbelanja RM28 juta bagi menjalankan program kebajikan dan inisiatif memerangi wabak Covid-19.

RM1,000 legakan mangsa ribut

KUALA SELANGOR - Mangsa ribut di daerah ini bersyukur apabila Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI tampil menghulurkan bantuan kewangan.

Abdul Aziz Ismail, 59, berkata sumbangan RM1,000 boleh digunakan untuk membeli barang keperluan memandangkan bumbung dapur rumahnya sudah dibaik pulih.

"Alhamdulillah, MBI pihak ketiga beri bantuan selepas Lembaga Zakat Selangor (LZS). Saya amat berterima kasih kerana mereka prihatin terhadap mangsa ribut di sini walaupun insiden sudah lama berlalu.

"Saya sudah belanjakan hampir RM3,500 untuk ganti bumbung bahagian dapur yang rosak termasuk kos upah dan sekarang keadaan rumah sudah baik," kata bapa empat anak yang bertugas sebagai penyelia bangunan.

Abdul Aziz antara 206 keluarga menerima bantuan disampaikan MBI di Dewan Dato' Penggawa Permatang di sini.

Seorang lagi penerima Lizawati Musnan, 39, berhasrat menyimpan wang bantuan tersebut untuk kegunaan kecemasan.

Bagi K Geta, 38, wang tersebut akan digunakan untuk membeli kelangka-

pan rumah yang rosak susulan insiden itu.

"Walaupun rumah sudah dibaiki, tetapi masih ada beberapa barang yang belum dibeli. Jadi wang sumbangan ini boleh digunakan untuk mendapatkan semula

kelengkapan tersebut," katanya yang menetap di Kampung Parit 4, Sungai Burong.

Pada 11 Mei, penduduk di Tanjong Karang digemparkan dengan kejadian ribut hingga menerbangkan atap rumah selain menyebabkan pokok tumbang.

Ketika kejadian, sebahagian besar penduduk sedang tidur sebelum dikesitkan deruan angin.





Pertaruh nyawa kibar Jalur Gemilang

Nama mendiang Sarjan Jusit Rantai mungkin agak asing jika dibandingkan dua tokoh penentangan Inggeris di Sabah iaitu Datu Paduka Mat Salleh dan Ontoros Antanom.

Namun kesanggupan menggadaikan nyawa demi menaikkan bendera pada pengisytiharan persekutuan di Padang Merdeka, Kota Kinabalu pada 16 September 1963, sekali gus menjadi anak Sabah pertama mengibarkan Jalur Gemilang, wajar diingati.

Cucu kepada Jusit yang juga wartawan AMIN RIDZUAN ISHAK menceritakan kembali debaran datuknya itu ketika menaikkan bendera Malaysia saat negara berhadapan konfrontasi negara jiran.

Setiap kali tiba tarikh 16 September, padang Kampung Susulat yang terletak di Sook, Keningau menjadi lokasi tumpuan keluarga penulis.

Hampir keseluruhan anggota keluarga akan pulang ke kampung di pedalaman Sabah itu yang terletak 144 kilometer dari Kota Kinabalu.

Pada sekitar 1990-an, perjalanannya mengambil masa hampir empat jam melalui jajaran Banjaran Crocker dari Kota Kinabalu, Tambunan dan Keningau.

Tambah mencabar, kami perlu melalui jalan tidak berturap yang digunakan lori balak dari Keningau ke Sook sejauh 40 km, ia bukan satu pengalaman 'istimewa'.

Laluan itu mula diturap sekitar 2000 dan beberapa laluan baharu diperkenal. Antaranya dari Kota Kinabalu ke Kimanis sebelum sampai ke Keningau, sekali gus memendekkan tempoh perjalanan.

Meski perjalanan agak mencabar, ia bukan alasan untuk tidak pulang ke kampung untuk meraikan 16 September. Tarikh itu cukup istimewa terutama buat datuk penulis Jusit Rantai.

Jusit, bekas anggota berpangkat Sarjan adalah individu pertama di Sabah menaikkan bendera Malaysia ketika pengisytiharan persekutuan di Padang Merdeka, Kota Kinabalu pada 16 September 1963.

Sambil menyanyikan lagu Negaraku dan Sabah Tanah Airku, kami akan menaikkan bendera Jalur Gemilang dan bendera Sabah.

Rai Hari Malaysia

Usai majlis itu, kami akan berkumpul sambil makan. Datuk kami turut menjalankan rutin menyembelih ayam, simbolik kepada rasa syukur penubuhan Malaysia.

Selepas datuk meninggal dunia pada 2010, upacara itu diteruskan sehingga kini. Meski penulis tidak lagi mengikutinya seperti sebelum ini, namun tetap gembira melihat generasi baharu



Jusit (kiri, bertopi merah) bertugas menaikkan bendera Malaysia ketika pengisytiharan persekutuan di Padang Merdeka, Kota Kinabalu pada 16 September 1963

Bertugas sebagai pegawai komandan Balai Polis Pensiangan pada 1968, lapan tahun sebelum beliau bersara

“Mungkin ada kekacauan dirancang kumpulan kurang senang dengan pembentukan Malaysia, Cawangan Khas polis dapat maklumat sesiapa yang menaikkan bendera Malaysia akan ditembak”

bendera Malaysia akan ditembak,” kata George Laim yang kini berusia 70 tahun.

Rahsia datuk

Itu kali pertama George Laim dan adik-beradiknya mendengar 'rahsia' pemilihan datuk sebagai petugas menaikkan bendera Malaysia. Nenek mengetahuinya kerana beliau bertanggungjawab menyediakan pakaian seragam Jusit pada upacara itu.

Cubaan membuat kekacauan disebut Jusit itu merujuk kepada rasa tidak senang Indonesia dan Filipina terhadap pembentukan persekutuan menggabungkan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura (Singapura keluar Malaysia pada 1965).

bersemangat meneruskannya.

Bapa saudara George Laim Jusit pernah menceritakan bagaimana datuk yang biasanya tenang kelihatan gelisah, sehari sebelum peristiwa bersejarah itu.

Namun George Laim, ketika itu berusia 11 tahun, takut bertanya perubahan sikap datuk. Hanya pada makan malam, barulah Jusit membuka mulut.

“Bapa pesan jaga diri dan ikut cakap ibu (Norah Siaming) sekiranya sesuatu berlaku kepada dirinya ketika menaikkan bendera Malaysia.

“Katanya mungkin ada kekacauan dirancang kumpulan kurang senang dengan pembentukan Malaysia, Cawangan Khas polis dapat maklumat sesiapa yang menaikkan

Layar perjuangan



Filem berlatar sejarah menentang penjajah Mat Kilau: Kebangkitan Pahlawan melonjak semangat kebangsaan yang luar biasa. Kutipan RM97 juta mencipta rekod.

Namun kisah pahlawan Pahang ini bukan satu-satunya filem bertema perjuangan. Ada pelbagai karya mengolah perjuangan era sebelum kemerdekaan, termasuk zaman pendudukan Jepun dan penentangan melawan komunis.

Sempena sambutan Hari Malaysia, wartawan **NAZLI IBRAHIM** menyenaraikan 10 filem patriotik yang mampu menyemarakkan semangat. Selain karya itu, filem lain antaranya Tanda Putera, Anak Sarawak, Paskal, Malay Regiment dan Air Force The Movie: Selagi Bernyawa turut mengungkap semangat kebangsaan.

Sarjan Hassan

Filem terbitan Shaws Malay Productions ini mula ditayang pada 28 Ogos 1958, sempena ulang tahun pertama kemerdekaan negara.

Selain Tan Sri P. Ramlee yang memegang watak Sarjan Hassan, turut membintangi filem ini Datin Saadiah (Salmah), Tan Sri Jins Shamsuddin (Ajis), Salleh Kamil (Buang) dan Omar Rojik (komander Jepun).

Berdasarkan kisah benar pemuda Kampung Pantai di Seremban, Hassan Othman yang menyertai Askar Melayu dan melawan tentera Jepun di Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua.

Bukit Kepong

Diterbitkan pada 1981, filem arahan Jins diterbitkan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia.

Dibintangi Jins sendiri sebagai Sarjan Jamil Mohd Shah, filem ini turut menampilkan Datuk Yusof Haslam sebagai mata-mata (MM) Jaafar Hassan, Hussein Abu Hassan (MM Othman Yusof) dan A. Rahim (Lans Koperal Jidin Omar).

Seramai 150 anggota polis berlakon dengan memegang pelbagai watak termasuk sebagai gerila komunis.

Filem ini menelan kos RM1 juta yang dianggap tinggi berbanding penerbitan filem Melayu lain ketika itu sekitar RM200,000 hingga RM300,000.

Mat Salleh Pahlawan Sabah

Terbitan Sabah Film Production, filem ini diarahkan Omar Rojik. Menemui penonton pada 1983, naskhah ini menampilkan Alias Lantau sebagai Mat Salleh, Datin Maria Arshad dan Ghazali Sumantri.

Ia berdasarkan kisah sebenar perjuangan Datu Paduka Mat Salleh menentang penjajahan British di Sabah. Beliau pernah mengisytiharkan Tambunan sebagai daerah di bawah kekuasaannya.

Mat Salleh dan pengikutnya menentang Syarikat Berpiagam Borneo Utara dengan menyerang pejabat pentadbiran di Pulau Gaya dan pejabat residen syarikat berkenaan di Ambong.

Leftenan Adnan

Filem ini diterbitkan pada 2000 oleh Markas Tentera Darat Kementerian Pertahanan dengan kerjasama Paradigm Film dan Grand Brilliance.

Naskhah arahan Aziz M Osman menampilkan pelakon Hairie Othman sebagai Leftenan Adnan, Datin Seri Umie Aida (Safiah), Faizal Hussein (Ayob), Rusdi Ramli (Malek) dan Shahrudin Thamby (Yaakob).

Mengisahkan perjuangan Leftenan Adnan Saidi mempertahankan Singapura ketika diserang tentera Jepun.

Filem ini turut memaparkan babak pertempuran terakhir Rejimen Askar Melayu berdepan kemaraan tentera Jepun yang jauh lebih ramai di Bukit Chandu sehingga mengorbankan Leftenan Adnan.

Embun

Berlatar belakang era Perang Dunia Kedua ketika Jepun menjajah negara ini, filem arahan Erma Fatima dan diterbitkan bersama Filem Negara Malaysia (FNM) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas).

Karya ditayang pada Ogos 2002 ini membariskan antaranya Umie sebagai Embun, Hani Mohsin (Bayu), Aqasha (Leftenan Koishi), Izi Yahya (Leftenan Akishi) dan Datuk Ahmad Tarmimi Siregar (Jeneral Kurugawa).

Dalam usaha membebaskan abangnya, Bayu daripada tawanan tentera Jepun, Embun dirogol beramai-ramai sebelum bertemu Leftenan Koishi yang bersimpati dengannya.



Pertemuan itu menimbulkan bibit percintaan sebelum akhirnya Leftenan Koishi berpaling tadah daripada pihak Jepun.

Paloh

Buah tangan Adman Salleh ini diterbitkan FNM dengan kerjasama Finas.

Filem berlatar belakang 1944 ditayangkan pada 2003. Antara pelakornya Nam Ron sebagai Ahmad, Janet Khoo (Siew Lan), Ellie Suriaty (Fatimah), Hasnul Rahmat (Puteh) dan Adlin Aman Ramli (Sarjan Jumlay).

Naskah ini berdasarkan kisah benar empat sahabat Ahmad, Osman, Puteh dan Harun yang berkhidmat sebagai kempetai (polis Jepun) di Paloh, Johor.

1957: Hati Malaya

Filem keluaran Pesona Pictures ini ditayangkan pada 2007.

Arahan Datin Paduka Shuhaimi Baba, dibintangi Kamarulzaman Taib sebagai Tunku Abdul Rahman, Man Bai (Tun Hussein Onn), Nanu Baharuddin (Tun Sharifah Rodziah), Zaeiful Nordin (Datuk Onn Jaafar), Rusdi Ramli (Hali), Maya Karin (Salmi) dan Adlin Aman Ramli (Rafik) dan Sharifah Amani (Ani).

Filem ini membawa kisah sekumpulan anak muda tempatan yang mahu menghasilkan buku gambar bertajuk '1957 - Hati Malaya'.

Menggunakan teknologi moden, filem ini disulam beberapa rakaman sebenar antaranya Tunku Abdul Rahman kembali daripada rundingan di London dan detik merdeka dilaungkan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

Bravo 5

Filem arahan Mohd Latif Zami pada 2015 mengisahkan kisah sebenar misi sulit lima anggota komando (Rejimen Gerak Khas) menyelamatkan seorang tawanan dan menggagalkan rancangan komunis menakluk Kedah pada 1989.

Filem terbitan Karya Prima Production dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menelan belanja RM4.5 juta.

Lima pelakon yang membawa watak komando dalam filem ini ialah Beto Kusyairy sebagai Trooper Karim, Remy Ishak (Leftenan Azri), Shashi Tharan (Korporal Morgan), Xiaviar Fong (Korporal Ah Chia) dan Frank Peterson (Sarjan Unya) manakala pelakon dan pengarah Sofi Jikan membawa watak sebagai ketua penganas komunis.

Ola Bola

Satu-satunya filem patriotik yang menjadikan bola sepak sebagai elemen utama dihidangkan kepada penonton pada 2016.



Arahan Chiu Keng Guan menampilkan pelakon antaranya Bront Palarae sebagai Rahman, JC Chee (Chow Kwok Keong aka Tauke), Luqman Hafidz (Ali) dan Saran Kumar Manokaran (Muthu).

Ola Bola menjadi filem genre drama nombor satu pada 2016 apabila memperoleh kutipan tertinggi RM16.6 juta dan menembusi pasaran China.

Filem ini mengisahkan zaman kegemilangan pasukan bola sepak Malaysia yang layak ke Sukan Olimpik Moscow 1980. Walau tidak menggunakan nama sebenar namun watak dalam filem ini membawa karakter individu yang terlibat dalam skuad bola sepak negara.

Kanang Anak Langkau: The Iban Warrior

Filem pada 2017 diterbitkan Tangan Seni Sdn Bhd. Arahan Bade Azmi menampilkan Langgi Datuk Kanang memegang watak sebagai mendiang ayahnya.

Turut menjayakan filem ini ialah Datuk Adi Putra (Koperal Omar Awang Tengah), Zack X-Factor (Lans Koperal Wan Shapudin Abu Kassim), Aidil Aziz (Koperal Micheal Riman anak Bugat) dan Johan Asari (Renjer Baharuddin Yahya).

Memaparkan kisah perjuangan Pegawai Waran 1 Datuk Kanang Anak Langkau menentang penganas komunis ketika berkhidmat dalam ATM.

Kerjaya Kanang bermula dengan Rejimen Renjer Sarawak sebagai Iban Tracker sehinggalah menjadi Sarjan Mejar dalam Rejimen Renjer Kelapan. Kanang berjuang menghapuskan komunis dari 1948 sehingga 1983.



Oleh JOHAN JAAFFAR

Saya berusia empat tahun sewaktu Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj melaungkan teriakan “Merdeka” sebanyak tujuh kali di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.

Saya berusia 37 tahun ketika beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 6 Disember 1990. Almarhum berusia 87 tahun ketika itu.

Saya masih di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) semasa wafatnya, memimpin majalah-majalah terbitan agensi tersebut, di antaranya Dewan Masyarakat. Melalui hubungan saya dengan teman-teman wartawan di media arus perdana pada masa itu, saya dapat mengenali Almarhum dengan lebih rapat.

Ada kalanya kami menemui beliau dan berkesempatan berbual panjang tentang isu-isu semasa. Lebih-lebih lagi tentang pandangan jujur beliau terhadap politik dan pimpinan politik semasa.

Beliau tidak lagi bersama UMNO pada masa itu. Seperti juga pengasas UMNO, Datuk Onn Jaafar, Tunku tidak bersama UMNO pada akhir hayatnya.

Sebagai bekas pelajar yang terbentuk pada era kebangkitan dan aktivisme pelajar tahun-tahun 70-an di Universiti Malaya, saya tentunya mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap Almarhum. Persepsi saya dicorakkan oleh peristiwa-peristiwa yang saya sendiri hanya mendengar dan membacanya dari sumber-sumber yang belum tentu sahih. Seperti banyak orang lain pandangan saya dikelabui oleh naratif tentang beliau sebelum, semasa dan sesudah Peristiwa Berdarah Mei 1969. Pandangan itu selalunya negatif.

Tentu tidak menghairankan saya mengukur beliau dari persepsi tentang keterbukaannya, sikap “tidak apa” yang dikaitkan dengannya, tuduhan tentang pendirian pro-Cina dan macam-macam lagi yang dilakarkan tentang beliau ketika itu. Naratif sedemikian memberikan imej

negatif terhadap seorang negarawan ulung, seorang patriot sebenar dan seorang pembangun dan pembina. Mungkin memang ada usaha terancang untuk mencacatkan nama baik beliau oleh pihak-pihak tertentu. Secara jujur beliau bukan sempurna, beliau banyak kelemahan. Beliau membuat beberapa kesilapan sewaktu pentadbirannya.

Dalam beberapa siri pertemuan dengan beliau saya mulai membina pandangan saya sendiri tentang beliau. Dengan nada bersahaja, adakalanya penuh *wit* dan *humour* tetapi tebal dengan sinisisme dan sindirian, beliau memberikan kami naratif yang berbeza, dari perspektif beliau sendiri tentang apa yang sebenarnya berlaku sewaktu beliau menjadi teraju.

Tanggapan inilah yang membuatkan saya menyenangi buku ini, buku asalnya *Tunku: An Odyssey of A Life Well-Lived and Well-Loved*. Buku yang diterjemahkan sebagai *Tunku: Kelana Penuh Cinta*. Versi bahasa Melayu ini diterjemahkan oleh Mardiyah Abadan dan diterbitkan oleh IBDE Ilham Sdn Bhd.

Menanggung di air keruh

Semua orang mengenal Tunku tetapi tidak banyak yang mengetahui siapa sebenarnya Tunku. Beliau dijajakan sebagai Bapa Kemerdekaan dan Bapa Perpaduan. Tetapi beliau lebih daripada semua label itu. Beliau meletakkan asas pada pembinaan sebuah negara bangsa bernama Malaya dan kemudian Malaysia, tidak dapat kita nafikan. Saya percaya beliau akan diadili oleh sejarah kerana sumbangan besar beliau pada negara. Memimpin sebuah negara dengan *diversity* dan keanekaragaman rakyatnya bukan mudah. Malaya yang merdeka lagi yang dilakarkan tentang beliau ketika itu. Naratif sedemikian memberikan imej

dan permintaan rakyat pelbagai kaum, agama dan adat resam.

Sememangnya kepelbagaian itu satu kekuatan (*diversity is strength*) tetapi dalam masyarakat yang *plural* sifatnya, ia juga boleh menjadi alasan perpecahan dan berantakan.

Tidak mungkin Almarhum dapat memenuhi semua tuntutan itu. Maka itu beliau banyak melakukan akomodasi dan penyesuaian. Beliau harus bertoleransi dan bertolak ansur. Mungkin itu juga tidak memadai, maka Almarhum tidak dapat memuaskan hati orang Melayu, apa lagi hati orang bukan Melayu.

Pada saat-saat sukar itulah ada yang menanggung di air keruh, mengambil kesempatan dari keresahan semua kaum untuk menyemarakkan sentimen perkauman. Kita tahu apa yang berlaku pada 13 Mei 1969, 12 tahun selepas Malaya memperoleh kemerdekaan.

Kita tahu tentang cerita penderhakaan, pengkhianatan, hipokripsi dan perancangan jelik. Almarhum sedar beliau adalah mangsa satu skema politik yang licin lagi memuahkan. Beliau berhak menjadi getir. Politik penuh dengan Brutus, di sekelilingnya banyak Si Kitul dan Raja Mudaliar.

Saya percaya sejarah akan menilai semua Almarhum sekiranya rentetan sebenar peristiwa yang memungkinkan tragedi itu diteliti secara saksama. Saya yakin, buku ini akan membantu ke arah itu.

Saya percaya juga calar sejarah yang dikaitkan dengan Almarhum ekoran dari peristiwa pertumpahan darah antara kaum itu akan sedikit sebanyak terhakis. Ini bukan *revisionist history in a making*. Tapi sekadar usaha memberikan kejernihan baharu peristiwa yang menjadi titik hitam dalam sejarah negara kita.

Almarhum hidup 20 tahun lagi selepas beliau meninggalkan kedudukannya sebagai

Perutusan Hari Malaysia 2022

Adil, makmur bersama

KITA baru sahaja menyambut 65 tahun kemerdekaan tanah air kita dan hari ini kita akan menyambut Hari Malaysia sempena penubuhan Persekutuan Malaysia yang ke-59.

Selamat Hari Malaysia saya ucapkan kepada seluruh rakyat sama ada di Semenanjung mahupun yang berada di Sabah dan Sarawak.

Setelah lebih enam dekad perjalanan negara ini, untuk membentuk sebuah bangsa Malaysia yang utuh bukanlah mudah. Kita dapat melihat pada dekad-dekad awal selepas kemerdekaan, soalan-soalan besar dan penting menjadi wacana dalam kalangan para pejuang kemerdekaan dan pendiri persekutuan negara ini.

Pembentukan sebuah negara bangsa yang moden bukan suatu yang mudah kerana ada pengorbanan yang terpaksa dilakukan dan ada juga keputusan pahit yang perlu dilaksanakan sesuai dengan perubahan zaman yang menuntut kepada bentuk pentadbiran demokratik dan

berperlembagaan yang baharu.

Begitu juga ketika cabaran geopolitik perlu dihadapi, antaranya, ancaman komunisme dalam iklim Perang Dingin, ketegangan Konfrontasi yang dilancar Sukarno, tuntutan Filipina terhadap Sabah dan juga penolakan dalam negeri sendiri terhadap penubuhan Malaysia.

Peristiwa 13 Mei menjadi parut dalam kehidupan bernegara ini. Namun banyak yang boleh kita pelajari daripada peristiwa tersebut dan bagaimana pemimpin terdahulu bertindak untuk menyelamatkan perpaduan rakyat dan juga persekutuan negara ini.

Ikhtiar ke arah cita-cita tersebut masih lagi relevan sehingga ke hari ini. Jurang antara yang paling kaya dan yang miskin masih luas. Begitu juga kesenjangan pembangunan di antara bandar dan luar bandar yang wajar untuk sungguh-sungguh ditangani.

Cabaran akibat tragedi itu, seperti mana cabaran

yang kita sendiri hadapi akibat Covid-19, pastilah sedikit sebanyak mencorak arah tuju negara yang kita cintai ini.

Perjuangan melawan pandemik telah membuktikan bahawa perpaduan dan kesatuan hati di kalangan rakyat Malaysia adalah sumber kekuatan yang luar biasa. Kita boleh menarik nafas lega pada hari ini kerana keadaan hampir pulih seperti normal. Usaha untuk memulihkan ekonomi perlu digiatkan dengan lebih rancak.

Kesatuan hati yang berjaya kita pupuk saat melawan pandemik boleh kita terjemahkan dalam pelbagai bidang kehidupan yang lain demi mencapai cita-cita seperti yang terkandung dalam objektif Rukun Negara iaitu sebuah masyarakat Malaysia yang adil di mana kemakmuran negara dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama.

DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar Selangor

Biografi terbaik Bapa Malaysia



Tunku mendapati dirinya mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM80,000 - jumlah yang sangat besar pada zaman dahulu. Sebagai ganti, wang persaraan bulanannya sebanyak RM4,000 digantung dan digunakan untuk melunaskan hutang akibat kealpaannya itu. Dengan kiraan mudah, Tunku tidak mempunyai satu sen pun.



Perdana Menteri. Beliau tidak tinggal diam. Beliau adalah *conscience* negaranya. Beliau menulis dalam akhbar *The Star* dalam ruangan “Looking Back” dan kemudian “As I See It”. secara jujur, berani, keras, tanpa kompromi. Itulah Tunku yang sebenarnya.

Tidak punyai satu sen pun

Saya teringat tulisan beliau, “people can say anything about me but none will ever accuse me of having been a hypocrite.” Tidak ada siapa yang boleh menafikan hal itu.

Apapun pandangan kita tentang Almarhum, kita tahu bahawa beliau seorang yang punya integriti yang tinggi. Buku ini ada merakamkan juga apa yang berlaku pada Almarhum selepas bersara. Saya petik:

“Perkara yang paling membezakan beliau dengan rakan-rakannya yang pernah memegang jawatan Perdana Menteri ialah Tunku satu-satunya Perdana Menteri yang menjadi lebih miskin selepas beliau meninggalkan jawatan tertinggi itu berbanding sebelum beliau melangkah masuk dan mengemudi negara. Lebih buruk lagi, sebaik sahaja bersara, Tunku mendapati dirinya mempunyai tunggakan cukai berjumlah RM80,000 – jumlah yang sangat besar pada zaman dahulu. Sebagai ganti, wang persaraan bulanannya sebanyak RM4,000 digantung dan digunakan untuk melunaskan hutang akibat kealpaannya itu. Dengan kiraan mudah, Tunku tidak mempunyai satu sen pun.”

Soalan saya, mungkinkah akan ada Perdana Menteri “semiskin” ini dalam negara kita selepas itu?

Dalam salah satu pertemuan dengan beliau, saya bangkitkan satu peristiwa di mana kereta Chrysler lama beliau rosak sewaktu dalam perjalanan bersama keluarga bercuti ke Fraser’s Hill. Imej beliau berdiri memerhatikan

pembantuannya memperbaiki kereta tersiar dalam akhbar pada 3 Mei 1964.

Saya tanyakan beliau, apa dalam fikirannya ketika itu. “Kereta buruk itu tak pernah bagi aku masalah sebelum ini.”

Itulah Almarhum dengan segala kesederhanaan dan *humility*-nya.

Saya amat bangga buku ini dapat diterjemahkan dengan baik dan diterbitkan untuk pembaca bahasa Melayu. Saya memang mengagumi tulisan Kobkua Suwannathat-Pian (**kanan dalam foto**) dalam bahasa Inggeris. Buku ini amat perinci, ditulis secara tuntas untuk memberikan satu perikisahan lain pada Si Teruna bernama Tunku Abdul Rahman.

Sebagai sejarahwan, penulis berlaku adil pada subjeknya. Lebih penting lagi beliau memberikan dimensi yang baharu pada beberapa peristiwa penting yang membabitkan Almarhum, di luar kerangka naratif lumrah yang kita ikuti selama ini.

Buku ini terdiri dari tiga bahagian dan sembilan bab. Ia menyentuh latar belakang kehidupannya, juga pembabitannya dalam politik, memimpin UMNO, juga tentang kekecewaan dan pengalaman menjadi “warga biasa yang luar biasa.” Juga kisah awal pengisian kemerdekaan dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963 serta keluarnya Singapura dari Malaysia.

Bagi saya buku ini patut dijadikan bacaan wajib untuk semua rakyat Malaysia, khususnya golongan muda untuk lebih memahami Almarhum yang sebenar. Lebih penting lagi untuk menilai sendiri siapa sebenarnya Almarhum, secara dekat dan berlapang dada.

Ini kisah negarawan ulung yang meletakkan khidmat dan dedikasinya pada negara di atas segala-galanya.

From my perspective, this is the best book ever written about our greatest statesman to date.

Tokoh Wartawan Negara Tan Sri Johan Jaaffar menyampaikan ucapan ini ketika majlis pelancaran buku *Tunku: Kelana Penuh Cinta* di The Saujana Hotel, Shah Alam pada 10 September 2022

Negara merdeka, ekonomi dirantai

Meski kemerdekaan dicapai pada 31 Ogos 1957 dan Malaysia pula terbentuk pada 16 September enam tahun kemudian, usaha pengambilalihan aset negara daripada syarikat bekas negara penjajah hanya giat dirancang pada pertengahan 1970-an.

Menurut Profesor Dr Shakila Yacob, sejarawan Universiti Malaya (UM), walau agak lewat tetapi usaha pengambilalihan syarikat multinasional asing yang menjadi sasaran kerajaan amat membanggakan.

“Serangan subuh”, usaha mengejut

Menurut hemat Prof, adakah projek pengambilalihan syarikat asing era penjajahan di negara ini berjaya atau tidak? Boleh Prof jelaskan berapa peratus pemilikan syarikat tersebut pada sekitar 1960-an dan 1970-an dibandingkan pada 1990-an dan 2000-an ketika Prof menjalankan kajian ini?

Usaha pengambilalihan syarikat multinasional asing (terutama British) yang menjadi sasaran kerajaan pada pertengahan 1970-an sehingga awal 1980-an merupakan suatu usaha yang boleh dibanggakan. Usaha ini, pada hemat saya, amat berjaya. Usaha pengambilalihan ini amat diperlukan memandangkan pada awal 1970-an hampir 70 peratus ekonomi negara dikawal oleh pelabur asing (terutama British).

Saya tidak mempunyai akses kepada statistik pemilikan syarikat multinasional asing bagi tahun yang disebutkan, cuma jadual satu ada menyatakan jumlah pemilikan tanah oleh tiga syarikat perladangan British yang terbesar di Malaysia ketika itu.

Selain pengambilalihan Guthrie, bolehkah Prof nyatakan syarikat atau aset milik asing yang diambil alih sama ada dibeli oleh entiti di Malaysia? Jika ada boleh nyatakan tahun pengambilalihan dan aset diambil alih?

Jadual dua (muka 15) menunjukkan beberapa syarikat multinasional asing yang telah diambilalih oleh syarikat berkait kerajaan termasuk Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) dan juga Permodalan Nasional Berhad (PNB). Jadual tersebut juga menunjukkan

mengambil alih Kumpulan Guthrie di bursa saham London pada 7 September 1981, antara detik yang paling dikenang. Dalam tempoh empat jam, syarikat perladangan gergasi Britain itu hilang 200,000 ekar tanah.

Menulis makalah The ‘Unfinished Business’ of Malaysia Decolonisation: The Origins of the Guthrie Dawn Raid (bersama Nicholas White), Dr Shakila menjelaskan kepada AMIN RIDZUAN ISHAK dalam temu bual pada 9 September mengenai usaha ambil alih aset itu dan kesannya kepada ekonomi.

Jadual satu

Keluasan tanah milikan syarikat Britain dan Eropah pada 1981	
Syarikat	Keluasan (hektar)
Guthrie Corporation Ltd	120,000
Harrisons & Crosfield	85,000
Sime Darby Berhad	77,000
United Plantations	13,000
Socfin	28,000
Unilever (Pamol Plantations Sdn Bhd)	14,000

tahun pengasasan dan tahun pengambilalihan.

Dalam sektor bijih timah, Pernas misalnya menggunakan anak syarikatnya Pernas Securities Sdn Bhd untuk membentuk New Trade Winds bagi tujuan mengambil alih London Tin Corporation, satu konglomerat perlombongan yang besar. Pengambilalihan ini telah dirancang atas nasihat dan tunjuk ajar sebuah bank pelaburan, N M Rothschild and Sons Ltd.

Selepas pengambilalihan tersebut, New Trade Winds telah menukar namanya kepada Malaysian Mining Corporation Bhd (MMC) dan membentuk satu perikatan global dengan Charter Consolidated Ltd, sebuah kumpulan British and Amerika Syarikat yang terlibat dalam pembiayaan pelaburan perlombongan.

Charter Consolidated mempunyai kepentingan perlombongan di Malaysia dan juga Afrika Selatan. Pada 1981, PNB memiliki 71.35 peratus kepentingan MMC daripada Trade Winds, oleh kerana PNB juga memiliki 34.9 peratus daripada Malayan Tin Dredging, pihak PNB menggabungkan kedua-dua syarikat tersebut pada 10 Oktober 1981.

Justeru, PNB memiliki saham MMC sebanyak 56.15 peratus. Penggabungan ini menjadikan MMC sebagai syarikat perlombongan

terbesar dunia dengan sumbangan bersih tahunan sebanyak 22 peratus daripada pengeluaran bijih timah Malaysia.

Satu lagi contoh adalah syarikat Sime Darby milik British yang diasaskan di Melaka pada 1910. Sime Darby diambil alih melalui (board struggle) pelantikan lembaga pengarah baharu pada 1976.

Sime Darby menarik minat syarikat milik kerajaan Malaysia, iaitu Pernas yang ditubuhkan pada 1969 bermodalkan RM900 juta (USD200 juta). Pemegang kepentingan utama Pernas ialah Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia, dan Bank Bumiputera Malaysia (juga milik kerajaan dan dipertanggungjawabkan secara khusus untuk memudahkan pertumbuhan kewangan Melayu yang lebih besar).

Hubungan rasmi Pernas dengan Sime Darby bermula pada Jun 1972 melalui satu usaha sama. Ini merupakan strategi Pernas untuk mewujudkan perkongsian dengan syarikat multinasional yang berteknologi tinggi dan mempunyai keupayaan pasaran global.

Pernas-Sime Darby bernilai RM10.9 juta (£2.09 juta) dengan pegangan saham Pernas sebanyak 51 peratus. Pernas-Sime Darby kemudiannya membeli perniagaan dagangan (trading company) Sime Darby dalam barangan pengguna dengan harga RM14.5 juta.

Secara perlahan-lahan Pernas meningkatkan pegangannya dalam syarikat Sime Darby iaitu sebanyak 5.6 peratus pada 1975 kepada 9 peratus pada 1976 dan 19 peratus menjelang 1977. Ini menjadikan Pernas pemegang saham terbesar.

Dengan aset bersih bernilai RM715 juta pada 1976, Sime Darby adalah terlalu mahal untuk diambil alih sepenuhnya. Justeru, Pernas telah mengatur strategi untuk menguasai badan pengarah dengan melantik ahli lembaga pengarah dari Malaysia, Filipina dan Singapura pada November 1976. Seterusnya Pernas berjaya menguasai syarikat multinasional tersebut.

Apakah faktor-faktor mendorong pengambilalihan aset-aset ini?

Saya percaya faktor yang mendorong pengambilalihan aset ini adalah untuk meningkatkan pegangan ekonomi negara. Sekali gus dapat memenuhi objektif Dasar Ekonomi Baharu (DEB). Dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi, usaha pengambilalihan dapat memenuhi strategi tindakan afirmatif DEB untuk meningkatkan penyertaan orang Melayu atau Bumiputera dalam ekonomi negara dan pada masa yang sama memberi ruang pada bukan Bumiputera untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Adakah disebabkan sikap antipenjajah?

Saya berpandangan tidak wujud sikap antipenjajah dalam aspek ini. Cuma kerajaan Malaysia ketika itu ingin menguasai ekonomi negara.



Atau, kerana pemilikan aset terlalu banyak yang boleh diperolehi dengan mudah dan murah sebelum kemerdekaan?

Perkara ini adalah benar. Kebanyakan syarikat British memperoleh lesen dan aset tanah dengan kadar yang amat murah semasa pentadbiran kolonial British.

Apakah usaha ini sebahagian persaingan kerana pemimpin menyedari ekonomi Malaysia dikuasai bukan Bumiputera?

Saya percaya ini bukan matlamat utama. Sebaliknya kerajaan ingin meningkatkan pegangan saham Bumiputera dan membangunkan peluang Bumiputera di sektor korporat termasuklah diberi peluang mentadbir syarikat dengan memegang jawatan di peringkat pengurusan tertinggi. Dalam masa yang sama pengambilalihan aset ini juga telah membuka ruang bagi pihak bukan Bumiputera meluaskan skop perniagaan mereka.

Apakah kesan-kesan positif daripada projek pengambilalihan ini, khususnya "serangan subuh" terhadap Guthrie dari segi ekonomi dan politik?

Banyak kesan positif daripada usaha pengambilalihan ini. Contohnya, menjelang 1980, PNB, bagi pihak bumiputera, telah melabur hampir RM2.1 bilion dalam 674 syarikat yang mewakili kira-kira 8.2 peratus daripada pemilikan ekuiti syarikat, tetapi tahap pemilikan Bumiputera sebenarnya hanya 4.2 peratus.

Pertumbuhan pemilikan bukan Bumiputera, bagaimanapun, meningkat dua kali ganda pada 1970-an kepada RM10.6 bilion dan kepada 40 peratus menjelang 1980-an, sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan ekuiti syarikat asing.

Menjelang 1978, pemilikan asing bagi sektor korporat menurun kepada 46 peratus daripada 61.7 peratus. Pelaburan syarikat asing adalah dalam industri sumber asli yang tidak boleh diperbaharui.

Apakah kesan-kesan negatif daripada usaha pengambilalihan ini?

Saya tidak nampak kesan negatif walaupun selepas pengambilalihan Guthrie, kerajaan Malaysia dituduh melaksanakan "backdoor nationalisation". Surat khabar Inggeris banyak membuat liputan dan mengutuk tindakan kerajaan Malaysia.

Tetapi yang sebenarnya tindakan Pernas dan PNB dilakukan secara sah mengikut undang-undang dan peruntukan sedia ada dengan bantuan syarikat pelaburan terkenal di dunia iaitu Rothschild.

Selain di Malaysia, bolehkah Prof nyatakan projek pengambilalihan aset bekas penjajah di negara-negara lain? Bagaimana ia dilakukan oleh kerajaan negara itu?

Kita boleh melihat contoh di Indonesia, Myanmar dan Sri Lanka. Saya tidak mempunyai maklumat terperinci bagi setiap negara tersebut.

Contohnya Indonesianisasi – satu usaha untuk meningkatkan penyertaan dan peranan orang Indonesia (terutama golongan

Jadual dua

Syarikat	Negara asal	Tahun asas (lokasi)	Tahun ambil alih
Sime Darby	Britain	1910 (Melaka)	1976
Guthrie	Britain	1821 (Singapura)	1981
Harrisons & Crosfield	Britain	1844 (Liverpool)	1989
United States Rubber Company	Amerika Syarikat	1892 (Connecticut)	1984
United Plantation*	Denmark	1906 (Perak)	-
Socfin*	Belgium	1880-an	2004
London Tin Corporation	Britain	1925 (London)	1981
Yukon Gold Company*	Amerika Syarikat	1920	1993

*syarikat milik keluarga

Sumber: Shakila Jacob, *Model of Welfare Capitalism? The United States Rubber Company in Southeast Asia, 1910–1942*, Cambridge University Press, 18 February 2015

pribumi) dalam sektor ekonomi sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Satu contoh usaha Indonesianisasi adalah program Benteng yang diperkenalkan oleh kerajaan Indonesia pada 1950. Program ini bertujuan memberi peluang kepada pengusaha pribumi dalam bidang pengimportan barangan. Namun akhirnya berlaku fenomena "Ali Baba" apabila golongan Cina (Tionghua) yang melaksanakan perniagaan import atas nama pengusaha pribumi Indonesia atau dalam kes tertentu berlaku penjualan lesen import.

Kedua-dua usaha ini gagal sehingga membawa kepada semua aset Belanda dinasionalisasikan atau dihak milik negarakan pada 1958.

Apakah reaksi syarikat dari Britain/kuasa Eropah lain terhadap Malaysia selepas serangan mengejut terhadap Guthrie? Apakah mereka mula berhati-hati, menjual atau berbincang semula?

Reaksi pihak Britain baik kerajaan mahupun dunia perniagaan adalah lebih berhati-hati dan mengetatkan peraturan dan prosedur pengambilalihan walaupun proses ini sebenarnya pernah dilaksanakan ke atas syarikat Britain sebelum ini. Serangan mengejut ke atas Guthrie bukan merupakan peristiwa pertama pengambilalihan syarikat melalui kaedah ini.

Namun terdapat juga syarikat British yang memberi kerjasama, terdapat juga syarikat yang mengambil strategi menjual hak milik mereka di Malaysia dan melabur di negara maju dan dalam bidang ekonomi yang lebih relevan.

Boleh Prof jelaskan mengapa Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman bersikap lunak atau acuh tidak acuh untuk ambil alih kekayaan dan aset negara dipegang syarikat penjajah?

Sepanjang pentadbiran Tunku (1957-1970), berlaku kemelut dalam negara dan luar negara. Dalam negara, kita masih menghadapi ancaman komunis (Darurat 1948-60). Terdapat juga usaha ke arah pembentukan Malaysia, 1963.

Ancaman luar: Indonesia telah melancarkan kempen Ganyang Malaysia semasa Konfrontasi antara 1963 sehingga 1966. Juga berlaku peristiwa pengusiran Singapura 1965. Justeru pentadbiran Tunku harus beri perhatian pada aspek ini demi keselamatan dan perpaduan negara. Pada masa yang sama dalam tempoh ini, negara masih ketandusan golongan Bumiputera berpendidikan tinggi

yang dapat memegang jawatan dalam bidang pengurusan.

Selepas pentadbiran beliau sebagai perdana menteri, mengapa Guthrie boleh menambah kepada 194,000 ekar tanah pertanian pada 1981?

Ini kerana Guthrie merupakan sebuah syarikat multinasional yang besar dengan modal serta pakar dan tenaga kerja yang mahir. Amalan ekonomi "laissez-faire" Malaysia terutama semasa pentadbiran Tunku mengalakkan pelaburan tempatan dan asing demi pembangunan ekonomi dan penciptaan pekerjaan untuk rakyat tempatan.

Apakah semua ini seperti dinyatakan Profesor Tim Harper berhubung 'unfinished business' dalam bukunya *The End of Empire and The Making of Malaya*. Boleh Prof jelaskan?

Harper merujuk kepada kemerdekaan negara pada 1957 dan kemudiannya pembentukan Malaysia pada 1963 hanya tercapai dari segi politik. Namun ada "unfinished business" dari segi ekonomi yang masih kekal dikuasai oleh syarikat asing (terutamanya British), dan wujudnya ketidakseimbangan ekonomi yang membimbangkan antara Bumiputera (Melayu dan lain-lain 'peribumi' Malaysia) dan masyarakat bukan Bumiputera.

Boleh Prof jelaskan faktor mengapa syarikat bekas penjajah tidak mahu menjayakan DEB yang dilancar pada 1971, termasuk enggan serahkan aset di negara ini kepada warga tempatan?

Lihat jadual dua, ada syarikat yang cuba memenuhi kehendak DEB secara gradual tetapi tidak sepenuh hati seperti Guthrie yang telah memperkenalkan Guthrie Ropel sebagai suatu usaha untuk memenuhi kehendak DEB. Tetapi kebanyakan syarikat asing tidak puas hati dengan tuntutan 30 peratus dan juga tidak percaya dengan kemampuan syarikat tempatan dan tenaga kerja tempatan (terutama yang mahir kerana tidak dapat dinafikan masih ada ketandusan dalam kalangan Bumiputera ketika itu).

Mentaliti kolonial juga menjadi halangan bagi mereka meletakkan kepercayaan mengurus dan mentadbir dalam kalangan rakyat tempatan. Mentaliti kolonial ini wujud semasa dan berterusan selepas penjajahan British.

► DARI MUKA 9

Konfrontasi bermula 1963 itu membabitkan penyusupan senjata, serangan dan tindakan subversif lain untuk menggugat kestabilan di Malaysia. Ancaman itu hanya tamat pada Ogos 1966 susulan kejatuhan pelopor kempen 'Ganyang Malaysia' iaitu Presiden Indonesia Sukarno.

Selepas makan malam, Jusit yang ketika itu berusia 33 tahun meluahkan masa dengan anak-anaknya. Beliau cuba menenangkan mereka yang ketika itu bercampur baur perasaannya. Pertama bangga melihat 'wira' mereka diberi tanggungjawab sebesar itu namun pada masa sama bimbang dengan keselamatannya.

Di sebalik ancaman itu, ia tidak mematahkan semangat Jusit yang berbangsa Murut untuk menunaikan amanah besar. George Laim dan adik-beradiknya hanya mampu berdoa agar tiada perkara buruk menimpa datuk.

Pada hari ditunggu-tunggu, Jusit, Norah, George Laim dan dua adiknya, Jane serta Juliana ke Padang Merdeka. Sebelum berpisah, Jusit sekali lagi berpesan supaya mereka menjaga diri dan jangan memberitahu sesiapa mengenai peranannya pada hari berkenaan.

Jusit bimbang ada pihak cuba mensabotaj upacara itu dan menjadikan keluarganya sebagai mangsa.

Berjaya kibar bendera

Kata George Laim kepada penulis, semasa itu dia yang menyertai perbarisan kumpulan Sekolah Rendah Stella Maris berdebar melihat kelibat datuk di sebalik tiang bendera.

Di hadapannya, ada pentas kecil menempatkan timbalan perdana menteri ketika itu Tun Abdul Razak Hussein; Ketua Menteri Sabah Datuk Donald Stephen dan Yang di-Pertua Negeri Tun Datu Mustapha Datu Harun.

Hatinya lega sebaik sahaja melihat Jalur Gemilang berkibar megah. "Kami semua berpelukan selepas upacara itu, gembira kerana bapa berjaya dan lahirlah Malaysia," ujarnya



BANGGA...
Tradisi menaikkan Jalur Gemilang setiap 16 September diteruskan waris Jusit

Foto bawah: George Laim

“ Kami semua berpelukan selepas upacara itu, gembira kerana bapa berjaya dan lahirlah Malaysia ”



yang kini mengusahakan kebun sawit di kampung halamannya di Kampung Susulat.

Mengikuti cerita kepada penulis, Jusit yang menyertai perkhidmatan polis di bawah pemerintahan British di Jesselton (kini dikenali Kota Kinabalu) pada 1948 antara 100 anggota pasukan keselamatan itu yang disenarai pendek untuk melakukan tugas berkenaan.

Difahamkan, pemilihannya dibuat kerana keberaniannya menyuarakan isi hati mahu British menyerahkan pemerintahan Borneo Utara (Sabah) kepada penduduk tempatan. Ketika itu, beliau menjadi ketua unit yang menjaga peralatan termasuk senjata di Ibu Pejabat Polis Sabah di Kepyayan.

Peranan Jusit dalam pembentukan Malaysia bukan hanya ketika upacara itu. Lahir pada 2 Februari 1930 di Kampung Pamunterian, Keningau, beliau berperanan menerangkan dan mendapat maklum balas daripada penduduk yang tidak mahir berbahasa Inggeris.

Bertemu pemimpin Murut

Tinjauan dilakukan Suruhanjaya Cobbold untuk mendapatkan pandangan penduduk Borneo Utara dan Sarawak mengenai gagasan penubuhan Malaysia.

Dalam proses itu, beliau bertemu pemimpin Murut di Keningau dan menjelaskan penubuhan Malaysia dalam bahasa ibunda kaum itu dan cuba mendapat persetujuan mereka. Ketika itu, ada tentangan mengenai rancangan Malaysia antaranya oleh Pertubuhan Pasok Momogun Bersatu.

Menurut ibu penulis, Juliana, datuk mahir berbahasa Inggeris kerana pernah bersekolah dalam aliran itu di Sekolah St Mary di Sandakan pada sekitar 1940-an, sebelum pendudukan Jepun.

Datuk dihantar ke sekolah itu selepas menjadi anak angkat kepada Agnes Newton

Keith, penulis dari Amerika Syarikat. Beliau terkenal dengan biografi Land Below The Wind yang mengisahkan kehidupan di Sabah sebelum, semasa dan selepas Perang Dunia Kedua.

Kisah Jusit yang disebut Usit diceritakan Keith dalam bab bertajuk Small Boy (budak lelaki) buku itu.

Menurut Juliana, moyang iaitu bapa kepada Jusit, Rantai Ensing meminta kebenaran keluarga Keith untuk menumpangkan anaknya yang berusia sembilan tahun itu di rumah mereka. Ini kerana Rantai perlu mengikuti penerbit filem dari Amerika Syarikat Martin Johnson membuat rakaman di hutan.

"Di situ bapa belajar bahasa Inggeris, beliau sering mengikuti Agnes ke mana-mana sahaja.

"Bapa turut dijemput Muzium Sabah bagi mengenal pasti rumah Agnes untuk dibaik pulih pada 2006, rumah itu kini menjadi destinasi pelancongan di Sandakan," katanya kepada penulis.

Teruskan tradisi

Pada 1976, Jusit bersara daripada perkhidmatan polis. Selepas bertugas di Kota Kinabalu, beliau ditempatkan di balai polis Pensiangan dan Beluran.

Beliau membuka tanah di Kampung Susulat. Jusit mengusahakan tanaman seperti getah, sayur dan buah-buahan.

Walau bersara, Jusit tetap meneruskan tradisi menaikkan bendera Malaysia dan Sabah setiap kali 16 September.

Walau dibuat kecil-kecilan namun semangatnya sama seperti ketika beliau melakukannya pada kali pertama. Meski kecil di mata orang lain, namun kesannya besar.

Berkibarnya bendera Malaysia dinaikkan Jusit 59 tahun lalu, menandakan bermulanya era pembangunan negara di bawah payung persekutuan.

Kejayaan setahun MoU kerajaan-HARAPAN

Laksana lebih 80 peratus janji

Oleh NORZILAWATI SIDEK

SHAH ALAM - Sebanyak 83 peratus perjanjian kerjasama dwipartisan antara Pakatan Harapan (HARAPAN) dan kerajaan persekutuan yang dimeterai setahun lalu dicapai.

Pengarah komunikasinya berkata tujuh kejayaan daripada memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani membuktikan HARAPAN mampu mengetepi sentimen politik demi kesejahteraan rakyat.

"Hasilnya, beberapa pindaan perlembagaan dapat dilakukan dan ia tidak mungkin akan berlaku tanpa adanya MoU ini," kata Fahmi Fadzil.

Pada 13 September tahun lalu, HARAPAN dan kerajaan persekutuan melakar sejarah negara apabila buat pertama kali menandatangani MoU

Transformasi dan Kestabilan Politik.

Perjanjian itu merangkumi pemerkasaan pelan Covid-19, transformasi pentadbiran, pembaharuan Parlimen, kebebasan institusi kehakiman, Perjanjian Malaysia 1963 dan pembentukan jawatankuasa pemandu.

Tujuh perkara hasil pencapaian MoU:

- **RUU antilompat parti**

Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) yang diluluskan pada 28 Julai lalu adalah kemenangan terbesar dan titik permulaan baharu dalam sistem demokrasi negara

- **Pewartaan Undi18 dan pendaftaran pemilih automatik**

Pindaan umur kelayakan mengundi 18 tahun serta pendaftaran pemilih automatik diwartakan secara rasmi pada 15 Disember 2021

- **Moratorium B50**

Beri moratorium pinjaman bank kepada kumpulan 50 peratus terendah (B50)

- **Pembaharuan Parlimen**

Pemerkasaan Jawatankuasa-Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dengan penyertaan yang lebih seimbang di antara ahli parlimen kerajaan dan pembangkang

- **Peruntukan sama rata**

Semua ahli parlimen kerajaan dan pembangkang terima peruntukan sama demi jamin khidmat berkesan

- **Perjanjian Malaysia 1963 (MA63)**

Perkukuh usaha ke arah pelaksanaan perkara yang termaktub dalam MA63

- **Kebebasan badan kehakiman**

Memastikan badan kehakiman sentiasa bebas daripada sebarang campur tangan mana-mana pihak

Fokus tambah kerusi HARAPAN

SHAH ALAM - Pengerusi Pakatan Harapan (HARAPAN) Selangor mengajak pemimpin dan penyokong menggandakan usaha bagi menambah bilangan kerusi menang pada pilihan raya umum ke-15 (PRU-15).

Dato' Seri Amirudin Shari berazam untuk memastikan HARAPAN terutama Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) mengekalkan kerusi yang dimenangi di negeri ini.

"Fokus kita untuk dapatkan semula kerusi yang kita menangi pada pilihan raya umum lepas atau tambah kerusi yang menang," katanya pada 11 September.

Beliau memaklumkan pembahagian kerusi di Selangor hampir dimuktamad dan dijangka selesai akhir bulan ini atau selewat-lewatnya pada Oktober.

"Perbincangan kerusi hampir selesai, kurang daripada empat kerusi melibatkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) sahaja manakala peringkat parlimen sudah selesai.

"Segala keputusan terletak bawah keputusan jawatankuasa pemilihan parti sebelum diputuskan Pengerusi HARAPAN Datuk Seri Anwar Ibrahim. Setakat ini, perbincangan antara HARAPAN sangat baik," katanya.





KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut :

BIL.	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/KEJ/08/2022	CADANGAN KERJA-KERJA PENGGANTIAN LANTERA LAMPU JALAN JENIS LED DI SEBAHAGIAN PERSIARAN APEC, CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2022	CIDB, SPKK DAN (G3 @ G4) DAN Kategori ME E04, E06, E11, E16 & E17 DAN UPEN	RM 200.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh di beli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **12 September 2022** hingga **3 Oktober 2022** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa siji asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen Tender. Dokumen yang perlu di bawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama **'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'**.
3. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **3 Oktober 2022**.
4. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut :

BIL.	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/BGN/09/2022	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN PASAR RAKYAT 2 TINGKAT BERSERTA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN DI ATAS LOT 22619, PEKAN SUNGAI PELEK, MUKIM SEPANG, DAERAH SEPANG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2022	CIDB, SPKK & G7 Kategori B (B04) & Kategori CE (CE21) DAN UPEN	RM 1,000.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh di beli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **19 September 2022** hingga **11 Oktober 2022** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa siji asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen Tender. Dokumen yang perlu di bawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama **'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'**.
3. Kontraktor-kontraktor (hanya penama di dalam lesen dengan membawa siji asal) adalah diwajibkan untuk membuat lawatan tapak bersama Pegawai Penguasa atau wakilnya. Hanya penender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Penender dikehendaki melaporkan diri ditempat, tarikh dan masa seperti berikut:-
- Tarikh : **19 September 2022**
Masa : **10.00 pagi**
Tempat berkumpul : **Bilik Melati, Aras 1, Majlis Perbandaran Sepang**
4. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **11 Oktober 2022**.
5. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

1. Tender adalah dipelawa kepada **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan **CIDB, SPKK dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut :

BIL.	NO. TENDER	TAJUK KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	T/MPSepang/BGN/10/2022	CADANGAN KERJA-KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN 1 UNIT TADIKA 2 TINGKAT SECARA REKA DAN BINA DI KOMPLEKS MAJLIS PERBANDARAN SEPANG, CYBERJAYA UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2022	CIDB, SPKK & G3 Kategori B (B04) & Kategori CE (CE21) DAN UPEN	RM 300.00
2.	T/MPSepang/KEJ/11/2022	CADANGAN KERJA MENAIKTARAF SISTEM PERPARITAN UNTUK PENCEGAHAN BANJIR DI LA COTTAGE JALAN PP 15/2 DAN PP 14, TAMAN PUTRA PERDANA, PUCHONG UNTUK MAJLIS PERBANDARAN SEPANG BAGI TAHUN 2022	CIDB, SPKK & G3 Kategori CE (CE21) DAN UPEN	RM 200.00

2. Dokumen tender boleh dibeli secara atas talian melalui laman web <http://tender.selangor.gov.my> dan dokumen tender boleh di beli di kaunter pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **20 September 2022** hingga **12 Oktober 2022** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor yang membawa siji asal dan surat wakil (sekiranya bukan penama di dalam lesen) semasa pembelian dokumen Tender. Dokumen yang perlu di bawa adalah Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN). Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama **'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'**.
3. Kontraktor-kontraktor (hanya penama di dalam lesen dengan membawa siji asal) adalah diwajibkan untuk membuat lawatan tapak bersama Pegawai Penguasa atau wakilnya. Hanya penender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Penender dikehendaki melaporkan diri ditempat, tarikh dan masa seperti berikut:-
- Tarikh : **20 September 2022**
Masa : **10.00 pagi**
Tempat berkumpul : **Bilik Melati, Aras 1, Majlis Perbandaran Sepang**
4. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras 2, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam **12.00 Tengahari** pada **12 Oktober 2022**.
5. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

Sedia aset hadapi banjir

SHAH ALAM - Sebanyak 1,100 aset jentera KDEB Waste Management (KDEB-WM) akan digerakkan bagi berdepan kemungkinan banjir besar pada November.

Pengurus besar kanan Perkhidmatan Korporatnya berkata semua jentera termasuk lori kom-paktor akan digunakan di setiap kawasan banjir khususnya Taman Sri Muda di sini, lapor Harian Metro.



"Semua lori KDEBWM akan terus digerakkan ke lokasi banjir yang bukan saja melaksanakan kerja kutipan malah membantu memeriksa saluran longkang tersumbat.

"Ia tidak termasuk jengkaut yang turut

akan digunakan menerusi kerjasama pihak berkuasa tempatan (PBT)," kata Ahmad Rizal Mohd Daud pada 7 September.

Beliau juga menambah pihaknya akan memeriksa dan membersihkan semua saluran longkang serta parit yang tersumbat akibat sampah.

Katanya, KDEBWM turut bekerjasama dengan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri bagi mendapatkan perkembangan terkini situasi banjir di Selangor.

Jabatan Meteorologi Malaysia meramal negara akan mengalami hujan lebat berterusan mulai pertengahan November yang membawa kepada banjir besar.

Medan selera bersih

SHAH ALAM - Medan Selera Batu Laut di Kuala Langat terpilih mewakili Selangor dalam Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat peringkat kebangsaan, kata EXCO kebudayaan dan warisan.

Borhan Aman Shah berkata premis kendalian Majlis Perbandaran Kuala Langat itu antara lima medan selera dari seluruh negara yang dinilai selain Putrajaya, Negeri Sembilan, Johor dan Pulau Pinang.



"Medan Selera Batu Laut pernah dinobatkan sebagai juara medan selera bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) peringkat negeri. Apabila dimaklumkan medan selera di Tanjong Sepat mewakili Selangor, sudah pasti kami teruja.

"Seramai empat panel juri hadir untuk membuat penilaian semalam dan

pemenang dijangka diumumkan pada bulan depan," katanya.

Pada 6 September, Borhan yang juga wakil rakyat Tanjong Sepat menyambut empat panel juri yang membuat penilaian secara keseluruhan di medan selera itu.

Katanya, Medan Selera Batu Laut pada asalnya bangunan lama yang terbiar tetapi dibina semula demi keselesaan pengunjung pada 2020.

"Saya berasa medan selera ini perlu dibangunkan dan dicantikkan untuk keselesaan pengunjung kerana lokasinya berhampiran Pantai Batu Laut.

"Sebanyak 12 kedai di medan selera ini yang menjual pelbagai hidangan antaranya rojak paru, mi udang galah, sup utara dan makanan kampung," katanya.

Hijrah bantu usahawan

SHAH ALAM - Tiga usahawan baharu dari program Zero to Hero kelolaan Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) menerima barangan dan mesin jahit daripada syarikat peneraju.

Hijrah menerusi Facebook memaklumkan semua usahawan dari Puchong itu turut ditawarkan pembiayaan RM10,000 dalam satu majlis baru-baru ini.

Skim Zero to Hero membantu individu berminat untuk berniaga dengan menerap latihan, pemasaran dan bimbingan berterusan daripada syarikat peneraju terpilih.

Selepas tamat tempoh, peserta layak diberi peluang memohon pinjaman Hijrah manakala syarikat peneraju membekal peralatan dan bahan perniagaan.

Hijrah turut menawarkan enam skim pembiayaan lain seperti i-Bisnes, Niaga

Darul Ehsan (NaDi), Go Digital, i-Lestari, i-Agro dan i-Bermusim.

Dato' Menteri Besar ketika membentangkan Belanjawan Selangor 2022 pada 26 November lalu mengumumkan beberapa penambahbaikan skim pembiayaan Hijrah.

Dato' Seri Amirudin Shari antaranya mengumumkan dana pembiayaan berjumlah RM120 juta selain mewujudkan skim baharu yang menyediakan pinjaman sehingga RM100,000 bagi mengembangkan perniagaan.

Kerajaan Negeri turut mewujudkan skim i-Agro untuk 2,000 usahawan tani dengan pembiayaan maksimum RM26,000, membina Dataran Hijrah, meningkatkan pinjaman dari RM5,000 kepada RM10,000 untuk program Zero to Hero.

Tengku Zatashah berkenan bersih Pantai Morib

Tanam 50 anak pokok tanjung

Oleh **NAEEM RAFFI**

SHAH ALAM - Sebanyak 50 anak pokok tanjung (mimusops elengi) ditanam dalam program pembersihan pantai di Dataran Pantai Baharu Morib, Kuala Langat pada 10 September.

Program sempena sambutan Hari Pembersihan Pantai Antarabangsa disempurnakan Yang Amat Mulia Tengku Datin Paduka Setia Zatashah.

Hadir sama, EXCO Pelancongan dan Alam Sekitar Hee Loy Sian.

Program kali kelima sejak 2017 hasil cetusan anakanda Duli Yang Maha Mulia



Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bagi memelihara alam sekitar.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) Dato' Amirul Azizan Abd Rahim menghargai penglibatan semua pihak yang berganding bahu menjayakan program itu.

"MPKL menyambut baik dan akan terus memberi sokongan yang padu terhadap usaha seperti ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Malaysian Institut of Planner kerana mengambil peluang ini dengan memilih Kuala Langat untuk menjayakan program Pledge & Plant A Tree.

"Program ini memberi dampak terhadap usaha pemerikasaan mewujudkan bandar rendah karbon dan juga Agenda

Penghijauan Malaysia menerusi kempen menanam 100 juta pokok bagi tahun 2021-2025," katanya.

Selain Lembaga Urus Air Selangor, program pembersihan pantai turut disertai Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Reef Check Malaysia, Gang Peduli Sampah dan My Clean Beach.

Amirul Azizan juga berharap seluruh masyarakat meningkatkan kesedaran untuk menjaga alam sekitar dan kawasan pelancongan di kawasan berkenaan.

"Usaha seperti ini inisiatif yang dapat memberi dampak terhadap potensi kawasan pelancongan yang bersih serta mampu memberikan imej terbaik pada peringkat tempatan mahupun global," katanya.

Menangi RM1,000 cipta logo, slogan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mempelawa orang ramai menyertai pertandingan mencipta logo dan slogan bertema Low Carbon City Framework.

MBSA menawarkan hadiah wang tunai RM1,000 manakala lima pemenang saguhati bakal membawa pulang RM200.

Individu yang berminat boleh mendaftar sebelum 5 Oktober menerusi pautan [tinyurl.com/pertandinganrekaciptatagline](https://www.tinyurl.com/pertandinganrekaciptatagline)

Sementara itu, MBSA turut menawarkan hadiah wang tunai berjumlah RM22,200 dalam Pertandingan Tandans Bersih Shah Alam.

Enam kategori dipertanding memabitkan restoran, stesen minyak, pusat beli-belah, rumah ibadat, sekolah rendah dan menengah sebelum tarikh tutup 30 September.

Pemenang pertama bagi setiap kategori bakal membawa pulang RM1,500, kedua (RM1,200) dan ketiga (RM1,000).

Borang penyertaan dan syarat pertandingan boleh didapati menerusi pautan forms.gle/i8frt8YRB6g6KFMBA atau hubungi 012-374 5554 untuk maklumat lanjut.

SELAMAT HARI

Malaysia

Daripada :



YANG DIPERTUA, AHLI MAJLIS,
DAN WARGA KERJA MAJLIS
PERBANDARAN KLANG



SEPTEMBER 2022

LZS dekati remaja sebatang kara

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) membantu seorang remaja yang menjadikan masjid sebagai tempat tinggal sementara.

Menurut LZS pada 6 September, lelaki berumur 19 tahun yang hidup sebatang kara dikatakan diusir saudaranya sendiri berikutan berlaku salah faham baru-baru ini.

Remaja tersebut dibesarkan saudaranya selepas ahli keluarganya meninggal dunia. Beliau kini sedang melanjutkan pengajian di institut pengajian tinggi.

LZS juga akan bekerjasama dengan pengurusan masjid untuk menyediakan tempat tinggal diikuti bantuan lain mengikut keperluan remaja berkenaan.

Kekal pakai pelitup di masjid, surau

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) mewajibkan pemakaian pelitup muka di masjid dan surau sekiranya Putrajaya melonggarkan pemakaiannya.

Pengarahnya Dato' Mohd Shahzihan Ahmad berkata kelonggaran itu tidak tertakluk kepada semua institusi keagamaan dan ketetapan baharu perlu diperkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, lapor Harian Metro.



"Namun, pemakaiannya masih kekal di masjid atau surau di negeri ini dan kita menunggu perkenan Baginda Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bagi ketetapan baharu kelak," katanya pada 9 September.

Pada 7 September, Kementerian Kesihatan memutuskan pemakaian pelitup muka dalam bangunan dan ruang tertutup kini atas pilihan berkuat kuasa serta-merta.

Bagaimanapun, Menteri Khairy Jamaluddin berkata pemilik premis boleh menentukan sama ada pengunjung wajib memakai pelitup muka

atau sebaliknya.

Menurut Khairy, pemakaian pelitup muka masih diwajibkan untuk kes Covid-19, ketika menggunakan pengangkutan awam termasuk e-panggilan, kapal terbang, bas, van pekerja serta van sekolah.

Selain itu, ia juga diwajibkan ketika di fasiliti kesihatan seperti hospital, klinik, rumah penjagaan, pusat hemodialisis dan setara dengannya.

Pemakaian pelitup muka diwajibkan bermula 1 Ogos 2020 susulan penularan pandemik Covid-19 ketika negara masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Peka kenaikan tambang

Bantu pelajar ke Timur Tengah

Oleh **MUSTAKIM RAMLI**

SHAH ALAM - Seramai 61 pelajar yang melanjutkan pengajian ke Mesir dan Jordan termasuk dua pengiring menerima sumbangan tambahan tiket penerbangan bernilai RM64,274.

Setiap pelajar menerima RM1,000 yang disampaikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pada 10 September.

"Kita sedar tentang peningkatan harga tiket serta keperluan lain yang dihadapi pelajar. Melalui jabatan agama, diluluskan RM1,000 tambahan untuk tambang penerbangan," katanya.

Beliau ditemui ketika menyempurnakan penutupan Kursus Persediaan Pelajar Selangor Ke Luar Negara anjuran Jais di Institut Latihan dan Dakwah Selangor.

Semua pelajar berkenaan mengikuti kursus selama sebulan sebelum berlepas melanjutkan pengajian ke Mesir dan Jordan dalam tempoh terdekat.

62 lokasi di Klang berisiko banjir

KLANG - Sebanyak 62 lokasi di daerah ini berisiko banjir susulan Monsun Timur Laut yang dijangka bermula pertengahan bulan ini hingga Disember.

Pegawai Daerah Klang Shahman Jalaludin berkata situasi itu menjejaskan lebih 10,000 penduduk antaranya di Sungai Serdang, Tok Muda, Pulau Indah dan Telok Gong.

"Banjir akan berlaku apabila air pasang besar bertembung dengan hujan lebat. Jika kita lihat

hari ini dan semalam, walaupun ada (air pasang besar) tetapi Alhamdulillah keadaan terkawal.

"Cuma kerisauan kita pada Oktober dan November nanti, seandainya ketika itu bertembung dengan hujan kemungkinan risiko (banjir) lebih tinggi," katanya pada 12 September.

Selaku pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana, beliau menasihati penduduk supaya peka dengan maklumat semasa dan berpindah jika berlaku banjir.

Pertandingan papan selaju meriah

SHAH ALAM - Pertandingan terbesar sukan papan selaju Grind 8 anjuran Persatuan Mencegah Dadah (Pemadam) Selangor di Extreme Park, Seksyen 13 di sini pada 10 September mendapat sambutan peserta tempatan dan antarabangsa.

Persatuan itu memaklumkan program dijayakan dengan kerjasama Persatuan Rekreasi Papan Selaju dihadiri kira-kira 1,000 pengunjung termasuk peserta daripada Indonesia, Filipina dan Singapura.

"Objektif program adalah memberi pendedahan kepada golongan millennial (generasi Y) mengenai peranan Pemadam dalam mencegah DARVIH (Dadah Alkohol Rokok Vape Inhalan HIV/Aids) serta

menyebarkan luas kempen Generasi Penamat (GEG) diperkenalkan Kementerian Kesihatan.

"Melalui pengisian pertandingan papan selaju ini kita mempromosikan aktiviti gaya hidup sihat dan menjauhi penyalahgunaan dadah," katanya.

Menurutnya, semoga program seperti itu diiktiraf bagi menarik minat anak muda terlibat secara aktif hingga ke peringkat antarabangsa serta mengharumkan nama negara.

Acara kemuncak program adalah penyampaian hadiah disempurnakan Setiausaha Kehormat Pemadam Selangor Farhan Ahmad Kamal.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000012426	SUPPLY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF WATER QUALITY MULTIPARAMETER SENSORS AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT LABOHAN DAGANG WTP
2.	PN0000012357	PROVISION OF CLEANING SERVICES FOR CLARIFIER TANK, FILTRATION TANK, RESIDUE TREATMENT FACILITIES AND OTHER GENERAL CLEANING WORKS AT LANGAT 2 WATER TREATMENT PLANT
3.	TBC	RENTAL OF FORKLIFTS FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN. BHD.
4.	TBC	SUPPLY AND INSTALLATION OF GPS TRACKING SYSTEM FOR OPERATIONAL VEHICLES FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
5.	TBC	SUPPLY AND DELIVERY OF PERMANENT LEAK NOISE CORRELATING LOGGERS FOR 2023 NRW PROGRAM
6.	TBC	SUPPLY AND DELIVERY OF 4G & NB-IoT DATA LOGGERS AND ACCESSORIES FOR 2023 NRW PROGRAMS
7.	PN0000012416	PROPOSED CONSTRUCTION OF 150 MLD NEW TREATED WATER PUMPHOUSE, 33KV STESEN SUIS UTAMA (SSU) TNB, 13 ML SUCTION TANK, SUPPLY AND INSTALL 1,400MM DN MSCL INLET PIPE, 2,000MM DN MSCL SUCTION PIPE, 9.8KM OF 1,600MM DN MSCL PUMPING MAIN FROM SUNGAI SELANGOR PHASE 1 (SSP 1) WTP TO BUKIT MAYONG BALANCING RESERVOIR AND OTHER ASSOCIATED WORKS
8.	TBA	SUPPLY AND DELIVERY OF WATER METERS FOR NEW DEVELOPMENT, MIGRATION AND REPLACEMENT PROGRAMME (2023 - 2024)

KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

Bil.	KETERANGAN
1.	PRA-KELAYAKAN SEBAGAI KONTRAKTOR PANEL BAGI "INSTALLATION WORKS FOR ESTABLISHMENT OF NEW DISTRICT METERING ZONE (DMZ), PRESSURE MANAGEMENT ZONE (PMZ), WBA PRESSURE MANAGEMENT, CORRELATION TAPPING POINT AND PRESSURE TRANSIENT ENABLING WORK"
2.	PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT DI SEKITAR KAWASAN SERTA ASET-ASET PENGELUARAN DAN PENGAGIHAN PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD

Untuk butiran lanjut mengenai tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender/prakelayakan di atas adalah diwajibkan untuk berdaftar dengan AirSelangor. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah percuma.

28 atlet terima insentif

Galakan untuk lebih cemerlang

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

KLANG - Pemenang pingat emas Sukan Komanwel Birmingham 2022 M Thinaah menyifatkan pemberian insentif khas kepada atlet memberi motivasi untuk terus cemerlang dalam sukan yang diceburi.

Pemain badminton yang menerima imbuhan RM23,000 berkata sumbangan itu menyemarak semangatnya untuk lebih gigih menghadapi perlawanan akan datang.

"Buat masa ini, saya hanya fokus berlatih secara individu bagi meningkatkan prestasi sebelum ke Terbuka Denmark dan Perancis bulan depan kerana pasangan cedera.

"Saya berharap pasangan beregu Pearly Tan segera sembuh kerana itu

paling penting. Tempoh pemulihan dijangka ambil masa empat ke enam minggu," katanya.

Thinaah, 24, antara 28 atlet negeri yang menerima insentif berjumlah RM92,900 kerana menyumbang pingat buat kontinjen Malaysia dalam Sukan SEA Hanoi dan Sukan Komanwel Birmingham.

Majlis penyerahan disempurnakan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah di Istana Alam Shah di sini pada 6 September.

Pemenang perak acara pingpong Sukan Komanwel Choong Javen tidak menjangka menerima insentif RM13,000 kerana beliau hanya fokus kepada perlawanan.

"Pemberian ini amat dihargai dan

beri dorongan supaya terus bersungguh-sungguh pada perlawanan akan datang serta beri pingat emas kepada Malaysia," katanya.

Bagi pemenang gangsa sukan olahraga di Sukan SEA, Muhammad Ziyad Zolkefli bersyukur kerana Kerajaan Negeri memberi insentif kepada atlet Selangor.

"Insentif ini serba sedikit memberi motivasi kepada atlet terus berjuang supaya lebih maju dalam sukan sekaligus mencapai ke peringkat lebih

tinggi. "Perancangan tahun ini selesai dan tiada acara, hanya fokus kepada beberapa temasya besar pada tahun depan bermula Mei," katanya.



Sokong rancangan majlis sukan negeri

KLANG - Kerajaan Negeri menyokong dan memberi komitmen penuh setiap perancangan Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor bagi memastikan kecemerlangan bidang itu.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata kejayaan tidak hanya bergantung kepada atlet, jurulatih berpengalaman atau kemudahan mencukupi tetapi turut dipengaruhi keazaman tinggi semua pihak.

"Perkara ini perlu jadi asas penting dalam meningkatkan lagi prestasi dan kegemilangan sukan. Kerajaan Negeri sentiasa beri sokongan dan komitmen penuh dalam setiap perancangan yang diatur MSN," katanya pada 6 September.

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Penyerahan Insentif Kemenangan Atlet Selangor yang disempurnakan DYTM Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah di Istana Alam Shah di sini.

Pemain badminton beregu wanita M Thinaah, 24, mengetuai senarai dengan menerima RM23,000 susulan kejayaannya menyumbang dua pingat emas dalam Sukan Komanwel baru-baru ini.



Sertai Kemeriahan

1JUUTA

PENGGUNA DIGITAL KAMI







Instagram
mediaselangor
<https://www.instagram.com/mediaselangor>



TikTok
@selangortv
<https://www.tiktok.com/@selangortv>



Facebook
Media Selangor
<https://www.facebook.com/MediaSelangor>



Twitter
Media_Selangor
https://twitter.com/Media_Selangor



YouTube
Selangor TV
<https://www.youtube.com/TVSelangorMY>



LinkedIn
Media Selangor Sdn Bhd
<https://www.linkedin.com/company/mediaselangor>



HASNUL BAHARUDDIN
Morib

menyerahkan sumbangan kepada wakil PIBG Sekolah Kebangsaan Sri Langat, Kuala Langat



ELIZABETH WONG
Bukit Lanjan

memeriahkan Pesta Tanglung DUN Bukit Lanjan di Desa Aman Puri, Gombak



LEE KEE HIONG
Kuala Kubu Bharu

menjalani pemeriksaan di program Selangor Saring di Kampung Chuang Rasa, Hulu Selangor



SYAMSUL FIRDAUS SUPRI
Taman Medan

menziarahi mangsa kebakaran rumah di Jalan Medan 20, Petaling Jaya



EDRY FAIZAL EDDY YUSOF
Dusun Tua

mengagih kuih bulan kepada penduduk dan peniaga di sekitar DUN beliau



CHUA WEI KIAT
Rawang

meninjau program latihan membuat kek dan pastri di Gombak



FAKHRULRAZI MOKHTAR
Meru

menyampaikan kerusi roda kepada penduduk di Kampung Bukit Cherakah Jaya, Klang



WONG SIEW KI
Balakong

memberi kuih bulan kepada peserta pesta tanglung di Kampung Baru Sungai Chua, Hulu Langat

RM500 bantuan segera mangsa banjir

SHAH ALAM - Enam keluarga mangsa banjir kilat di Kampung Teras Jernang, Bangi menerima bantuan RM500 daripada wakil rakyat Sungai Ramal baru-baru ini.

Mazwan Johar menjelaskan bantuan berkenaan di-hulur selepas beliau membuat



tinjauan ke kediaman mangsa bagi meringankan beban mereka.

"Sepanjang pertemuan dengan mangsa, mereka meluahkan beberapa punca masalah yang mengakibatkan terjadinya banjir di kawasan tersebut.

"Butiran maklumat serta adu-

an yang disampaikan telah diambil maklum. Insya-Allah segala isu berbangkit dibawa kepada pihak berwajib untuk tindakan lanjut," katanya.

Mazwan juga dimaklumkan penghulu mukim Kajang bahawa kejadian banjir tersebut pertama kali berlaku sejak beliau menjadi penghulu kawasan berkenaan.

Jangan abai perumahan lama

Rumah pangsa PKNS perlu nafas baharu

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Rumah pangsa Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Seksyen 16 di sini perlu diberi nafas baharu secara menyeluruh, bukan sekadar baik pulih sementara.

Wakil rakyat Kota Anggerik Najwan Halimi berkata kedudukan pangsapuri di tengah bandar raya menyebabkan perkara itu perlu diberi perhatian serius.

"Sudah tiba masanya Kerajaan Selangor tidak hanya memberi fokus kepada projek perumahan baharu tetapi meluahkan projek perumahan lama.

"Saya berharap kita ada pelan tin-

dakan secara jangka panjang dengan mengambil contoh Singapura dalam menguruskan projek perumahan rakyat," katanya.

Terdahulu, beliau menjadi tetamu program bual bicara secara langsung melalui Facebook Media Selangor dan YouTube SelangorTV pada 6 September.

Najwan ketika membahaskan Rancangan Selangor Pertama (RS-1) dalam sidang Dewan Negeri Selangor Ogos lalu mencadangkan pembangunan semula rumah pangsa itu dimasukkan dalam pelan berkenaan.

Cadangan berikutan rumah pang-



sa tersebut yang dibina pada 1969 oleh PKNS kini mengalami pelbagai masalah seperti sistem pendawaian, saliran dan kumbahan.

Beliau turut memuji pelaksanaan rancangan lima tahun itu, yang disifatkan wajar dijadikan contoh kepada semua negeri termasuk kerajaan persekutuan dalam merencanai pelan pembangunan.

RS-1 yang menjadi kerangka pembangunan negeri melibatkan nilai keseluruhan RM212.44 bilion dengan RM92.44 bilion disalurkan kepada projek pembangunan peringkat negeri termasuk pelaksanaan beberapa inisiatif rakyat.

Tawar geran komuniti hingga RM5,000

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri Bukit Gasing menawarkan geran sehingga RM5,000 untuk golongan belia yang ingin melaksanakan projek kemasyarakatan.

Rajiv Rishyakaran berkata permohonan terbuka untuk projek yang tertumpu di kawasan Bukit Gasing di Seksyen 1,2,5-19 dan 52.



"Antara tema dicadangkan ialah iklim, budaya dan kerja kebajikan. Mereka yang berusia 18 hingga 35 tahun boleh kemukakan permohonan sebelum 17 September.

"Caranya, hanya muatnaik cadangan projek di <https://tinyurl.com/bgsmall>. Untuk maklumat lanjut

mengenai geran ini, anda boleh layari tinyurl.com/bgsmallinfo," katanya pada 12 September.

Rajiv berkata peluang diberi kepada mereka yang mempunyai idea kreatif namun tidak mempunyai sumber kewangan mencukupi.

"Sekiranya ada pertanyaan, boleh terus hubungi Chern di talian 012-225 6184."

Tambah lokasi jualan murah

SHAH ALAM - Dua lokasi jualan murah akan ditambah di Kuala Selangor berikutan sambutan luar jangka penduduk setempat dalam program di Bukit Kuching pada 6 September.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Bukit Melawati Juwairiya Zulkifli berkata usaha itu perlu bagi meringankan beban golongan kurang berkemampuan berikutan harga barangan asas di pasaran mahal.

"Barangan keperluan asas seperti ayam, ikan, daging, telur, beras, minyak masak yang dijual murah hasil daripada subsidi kena pada tempatnya dan membuktikan Kerajaan Selangor peka dan prihatin masalah rakyat.

"Kami sentiasa dengar keluhan rakyat dan akan terus dari semasa ke semasa membantu mempertingkatkan lagi peluang kehidupan yang lebih baik kepada rakyat," katanya.

Sedia 350 baucar beli-belah

KUALA SELANGOR - Sebanyak 350 baucar beli-belah disediakan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang untuk masyarakat India kurang berkemampuan sempena Deepavali tahun ini.

Wakil rakyatnya Rozana Zainal Abidin berkata baucar Jom Shopping Deepavali bernilai RM100 akan diagih kepada individu yang layak membabitkan peruntukan RM35,000.

"Kita minta ketua kampung dan Ketua Komuniti India supaya cari penerima yang benar-benar layak. Mereka diberi tempoh sebulan dari awal bulan ini hingga 30 September untuk berbuat demikian.

"Paling penting individu tersebut belum terima bantuan daripada Kerajaan Selangor dan bukan penerima Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (Bingkas)," katanya pada 7 September.

400 bakal nikmati RM300 sebulan

KUALA LANGAT - Hampir 400 penduduk di Dewan Undangan Negeri (DUN) Morib bakal menerima Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (Bingkas) berjumlah RM3,600 setahun.

Wakil rakyat Hasnul Baharuddin berkata seramai 280 penerima dikenal pasti setakat ini, semuanya bekas penerima Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) dan KISS IT (Ibu Tunggal).

"Kita dapat lebih 800 permohonan sejak inisiatif dibuka pada 1 Julai. Namun, kuota DUN hanya kepada 386 penerima yang layak mendapat bantuan RM300 sebulan.

"Jadi, kita akan berunding dengan Kerajaan Negeri supaya ada tambahan untuk DUN Morib memandangkan ramai penduduk memerlukan bantuan ini," katanya.

AHLI DEWAN NEGERI BANDAR UTAMA **JAMALIAH JAMALUDDIN**

● **Umur:**
33 tahun

● **Falsafah hidup:**
Kerana hidup kita milik kita, oleh itu, lakukan apa yang anda rasakan betul dan bertanggungjawab terhadap keputusan diri sendiri

● **Pekerjaan sebelum jadi Ahli Dewan Negeri:**
Pengurus akaun penyelidikan pasaran

● **Alamat pejabat ADN:**
55M, Jalan SS21/1A
Damansara Utama,
47400, Petaling Jaya

● **Nombor telefon ADN:**
03 7726 0441

● **E-mel:**
jamaliahdap@gmail.com

● **Facebook:**
www.facebook.com/jamaliah.jamaluddin



Tidak boleh ampun
sewenangnya

2

Sedia hadapi perubahan
Monsun Timur Laut

2

Akhiri penantian 26
tahun miliki rumah

6

Kekal pakai pelitup di
masjid, surau

20

selangorkini

Insentif RM93,000
hargai atlet cemerlang

21

Kongsi idea tingkat kualiti Liga Malaysia

SHAH ALAM - Delegasi Selangor FC mengadakan perkongsian pendapat bersama delegasi Johor Darul Ta'zim (JDT) di Kuala Lumpur pada 11 September.

Selangor FC memaklumkan kedua-dua pihak menyentuh pelbagai aspek yang perlu diberi perhatian bagi meningkatkan mutu bola sepak dan Liga Malaysia.

Delegasi negeri diketuai Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Tengku Amir Shah manakala JDT oleh Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail.

Pertemuan tersebut juga bertujuan mengukuhkan hubungan antara kedua-dua kelab bola sepak berkenaan.

Konsert Noraniza Idris Oktober

KUALA LUMPUR - Penyanyi etnik kreatif terkenal Noraniza Idris bakal tampil dengan konsert yang diberi nama Malai Solo Noraniza Idris.

Persembahan pada 21 hingga 23 Oktober di Panggung Sari Istana Budaya bakal menggunakan khidmat 300 individu termasuk 40 artis budaya, pemuzik kelas A dan tenaga kerja teknologi kreatif.

Mesra disapa Kak Ani, Noraniza juga berjanji mengadakan persembahan padat dengan elemen kebudayaan sepanjang 120 minit.

Penyanyi lagu Awallah Dondang juga memanggil pendikir dan artis kebudayaan dari Singapura serta Thailand.

Tiket dijual mulai 19 Ogos menerusi www.ilassotickets.com pada harga RM1,599, RM899, RM399 dan RM299.

10,000 penduduk jimat RM545,000

SHAH ALAM - Lebih 10,000 rakyat Selangor menikmati penjimatan kos barangan makanan asas kira-kira RM545,000 menerusi program Jelajah Ehsan Rakyat.

Ketua pegawai eksekutif kumpulan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) berkata pihaknya memperoleh nilai jualan RM1.04 juta di 54 lokasi melibatkan 17 Dewan Undangan Negeri (DUN).

Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata jualan dan agihan subsidi dijangka bertambah berdasarkan sambutan pada minggu pertama.

"PKPS menggerakkan warga kerja dan aset untuk memastikan program pada setiap hari kecuali Isnin, bermula 9 pagi hingga 1 petang berjalan seperti yang diumumkan," katanya.



TAHNIHAH... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (berdiri, tengah) bersama 12 pemenang anugerah Hadiah Sastera Selangor 2021 di The Saujana Hotel, Shah Alam pada 10 September. Foto AHMAD ZAKKI JILAN ▶ BERITA MUKA 4 & 5

RM3,000 pemenang pingat emas

Ganjaran untuk atlet SUKMA

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

SHAH ALAM - Atlet negeri yang menyumbang pingat dalam Sukan Malaysia (SUKMA) ke-20 bakal menerima insentif daripada Kerajaan Negeri.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan jumlah ganjaran tersebut telah ditetapkan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Beliau menambah insentif minimum yang ditetapkan untuk atlet yang meraih pingat emas ialah RM3,000, perak (RM2,000) dan gangsa (RM1,000).

"Jika (Selangor) menang juara keseluruhan, kita boleh putus angka istimewa sebab pernah buat di Sarawak, ditingkatkan jumlah ganjaran. Begitu juga mereka yang pecahkan rekod kebangsaan, kita sediakan," katanya.

Beliau menyempurnakan majlis penyerahan bendera Kontinjen Selangor di Kompleks Generasi Muda & Sukan Selangor di sini pada 8 September. Kontinjen negeri diterajui EXCO Sukan Mohd Khairuddin Othman.

Temasya tersebut berlangsung di Lembah Klang antara 16 hingga 24 September.

Selain itu, Amirudin menjangka kuantiti pingat melebihi sasaran yang ditetapkan Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor iaitu 40 emas, 40 perak dan 45 gangsa.

Menyasarkan kedudukan tiga teratas, beliau menyifatkan jumlah itu mampu dicapai tetapi pencapaian sebenar dijangka mengatasi sasaran menurut perkiraan jurulatih.

"Kita tiada mana-mana (acara) sasaran tetapi lazimnya seperti kejohanan sebelum ini, renang menjadi tumpuan, olahraga, basikal, memanah dan menembak boleh sumbang pingat emas," katanya

Altimet cipta lagu sindir 'penyamun'

GOMBAK - Penyanyi dan komposer terkenal Altimet menggamit perhatian ramai apabila menghasilkan lagu yang dikatakan menyindir pemimpin politik tertentu.

Altimet mengubah suai seni kata lagu asal berjudul Penyamun ciptaan Tan Sri P Ramlee yang termuat dalam filem bertajuk Ali Baba Bu-

jang Lapok. Lirik tersebut antara lain ada menyebut: 'Hoi hoi ya hoi, siapa sokong penyamun? Duit kau aku, semua dia sapu' dan 'sakau, sakau, sakau'.

Menyertai Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) pada 1 April, beliau mengajak hadirin dalam program parti itu pada 11 September menyanyi lagu berjudul

Aduh Malaysia.

"Ahli-ahli cabang, saya ada edarkan lirik. Kita perdengarkan satu lagu baru, lagu ini pasal penyamun," kata pemilik nama sebenar Syed Ahmad Syed Abdul Rahman.

Altimet, pemenang persembahan terbaik lagu Amboi dalam Anugerah Juara Lagu pada 2018, terkenal dengan penghasilan lagu berunsur nasihat dan sindiran.

